



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM



KOLEKSI TEKS

UCAPAN KPPA

Datuk Seri Borhan bin Dolah



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

KOLEKSI TEKS
UCAPAN KPPA
Datuk Seri Borhan bin Dolah

2019



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
Blok C1-C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P Putrajaya, Malaysia

KOLEKSI TEKS UCAPAN KPPA DATUK SERI BORHAN BIN DOLAH

Hakcipta Terpelihara © 2019
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa bentuk dan dengan apa jua cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat persetujuan dan izin bertulis daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Pasukan Editorial:
Unit Komunikasi Korporat (UKK), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Perpustakaan Negara Malaysia

Koleksi Teks Ucapan Datuk Seri Borhan bin Dolah
ISBN 978-983-9187-72-4

KANDUNGAN

3 □ PRA KATA

5 □ Majlis Perhimpunan Bulanan JPA Anjuran INTAN

11 □ Majlis Amanat Kepada Penerima Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) & Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB) Sesi 2019

21 □ Majlis Penyampaian Surat Pengiktirafan Kepakaran Dan Pemangkuan Kepada Pegawai Pakar Bidang Khusus (Subject Matter Expert - SME) Kementerian Kesihatan Malaysia

25 □ Majlis Perasmian Modul Integrasi Kumpulan (*Group Integration*) Bersama-Sama Peserta Program DPA INTAN Tahun 2019

29 □ Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-Pekerja Sains Dan Teknologi Dalam Kumpulan Pelaksana (MBK S&T) Tahun 2018

37 □ Forum Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 Dan Pasca Bajet 2019

41 □ Sesi Sembang Santai Bersama Pelajar Cemerlang Tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Di Universiti Malaysia Sabah

49 □ Majlis Amanat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Bersama Warga Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

55 □ Majlis Perasmian *HR Day* Sesi Libat Urus Bersama Pengurus Sumber Manusia (*HR Day*) Dan Pelancaran Kaunter MyPesara

61 □ Lawatan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Ke Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah

67 □ Perhimpunan Bulanan JPA "Setulus Budi, Membina Pertiwi"

77 □ Program Pengurusan Perubahan *Digital Government Competency And Capability Readiness* (DGCCR) Zon Sabah

81 □ Menakhoda Pendigitalan Untuk Memperkasa Penyampaian Perkhidmatan Sempena Majlis Perhimpunan Bulanan JPA Anjuran Bahagian Pembangunan Dan Pengurusan Maklumat Strategik



PRA KATA

Penyampaian Perkhidmatan Awam perlu ditambahbaik secara komprehensif dengan mengambil kira cabaran dan perubahan semasa, sama ada di peringkat global atau domestik mengikut ekspektasi pemegang taruh bagi memastikan rakyat dapat menikmati kemakmuran bersama. Penjawat Awam perlu sedar bahawa kita merupakan tulang belakang kepada pelaksanaan dasar dan program yang dirancang oleh pihak Kerajaan. Maka kebolehan kita perlu diperkukuhkan untuk mendakap arus perubahan dan sentiasa bergerak ke hadapan bagi memimpin agenda pembangunan negara. Peranan dan tanggungjawab perlu kekal sebagai fokus utama dalam memelihara kepentingan rakyat melalui penyampaian perkhidmatan awam yang berkesan.

Koleksi Teks Ucapan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah diterbitkan adalah bertujuan untuk menghimpunkan koleksi teks-teks ucapan beliau sepanjang menerajui jawatan selaku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam yang ke-23 mulai tempoh Julai 2018 sehingga September 2019.



MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN JPA ANJURAN INTAN

20 MAC 2019 (RABU)
AUDITORIUM INTAN BUKIT KIARA

Alhamdulillah syukur dipanjatkan kepada Allah S.W.T di atas penganjuran Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Perkhidmatan Awam bagi bulan Mac 2019. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan takziah dan kesedihan kepada anggota keluarga mangsa yang terlibat dalam kejadian keganasan di dua masjid di Christchurch, New Zealand dan gempa bumi yang melanda Lombok Timur, Indonesia.

Syabas kepada Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) atas penganjuran Majlis Perhimpunan Bulanan. Tema "**Produktiviti dan Perpaduan Menjana Kemakmuran**" bertepatan dengan tanggungjawab kita membangunkan negara dan mempertahankan keamanan serta keharmonian hubungan sesama kita. Tema baharu Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) iaitu "**Peneraju Pembaharuan, Penggerak Perubahan**" akan menambah baik tadbir urus, mendukung akauntabiliti dan ketelusan dalam pentadbiran Kerajaan.

Merujuk Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), kata “makmur” membawa makna serba cukup dan tidak kurang apa-apa. Laporan ***The Legatum Prosperity Index*** yang dikeluarkan oleh Legatum Institute pada tahun 2018, Malaysia berada di **tangga ke-44 daripada 149 buah negara** yang dinilai dari aspek kemakmuran. Dalam kalangan negara Asia Tenggara, Malaysia tersenarai sebagai **negara kedua paling makmur selepas Singapura**. Indeks Kemakmuran melaporkan kualiti ekonomi Malaysia pada tahap yang memberangsangkan iaitu **di tangga ke-22 terbaik dunia**.

Memetik kata-kata Daren Acemoglu, penulis buku **Why Nations Fail**¹ :

“Institusi politik dan ekonomi yang dipilih oleh rakyat akan menjadi inklusif dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi, atau institusi tersebut juga boleh menarik keluar dan menggagalkan pertumbuhan ekonomi. Negara akan gagal mencapai pertumbuhan ekonomi tanpa jalinan sokongan antara institusi politik dan ekonomi.”

Dalam Bajet 2019 disarankan **penstrukturan ekonomi** bagi meletakkan Malaysia pada kedudukan yang lebih kukuh bagi memastikan kemakmuran kepada rakyat. Dalam **Kajian Separuh Penggal RMKe-11**, keutamaan dan penekanan baharu digarap untuk mereformasi dasar dan sasaran sosioekonomi sedia ada bagi tempoh 2018 hingga 2020. Penjawat awam harus **melaksanakan dasar-dasar kerajaan** dan **menjadi pengantara** di antara kerajaan yang memerintah dan rakyat.

Cabaran Malaysia pada hari ini ialah **peningkatan daya saing global melalui pertumbuhan produktiviti** bagi mengekalkan pembangunan ekonomi seiring dengan aspirasi Malaysia menjadi

1 Buku ini ditulis oleh ahli ekonomi Turki-Amerika Daron Acemoglu dari Institut Teknologi Massachusetts dan pakar sains politik British, James A. Robinson dari University of Chicago.

negara maju. Laporan Produktiviti bagi tahun 2018 yang diterbitkan oleh **Malaysia Productivity Corporation (MPC)** meletakkan nilai produktiviti bagi seorang pekerja di Malaysia untuk tahun 2017 pada 3.8% iaitu melepasi sasaran pertumbuhan produktiviti tahunan yang ditetapkan iaitu 3.7%². Menurut laporan *Global Competitiveness Report* oleh MPC tahun 2018, Malaysia berada di kedudukan 25 daripada 140 buah negara dari segi daya saing global.

Lima teras strategik utama Malaysia Productivity Blueprint (MPB) di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, iaitu:

- i. Pembangunan tenaga kerja masa hadapan;
- ii. Pemacuan pendigitalan dan inovasi;
- iii. Menjadikan industri bertanggungjawab terhadap produktiviti;
- iv. Pemupukan ekosistem yang teguh; dan
- v. Pencarian mekanisme pelaksanaan yang kukuh.

Waktu Bekerja Fleksi (WBF) telah mula dilaksanakan secara rintis pada 1 Mac 2019 bagi meningkatkan lagi produktiviti dalam kalangan penjawat awam. Perkhidmatan Awam perlu menjadi pemangkin yang membolehkan sektor swasta menjana produktiviti mereka ke tahap yang terbaik. Kedua-dua sektor, kerajaan dan swasta perlu membina sinergi ***bak aur dengan tebing*** dan bukannya ***laksana enau dalam belukar***, cuba meraih kejayaan bersendirian.

Kepelbagaian kaum mewarnakan Malaysia. Identiti Malaysia yang unik di mata dunia merupakan kekuatan kita dan ia perlulah dipelihara. YAB Tun Dr Mahathir Mohamad pada tahun 1995 telah berkata: *manusia yang lemah sekalipun jika bersatu akan dapat menggoncang dunia. Demikianlah peri pentingnya perpaduan*

2 Bagi tahun 2017, nilai produktiviti bagi seorang pekerja adalah RM81,268 iaitu peningkatan produktiviti sebanyak 3.8% berbanding dengan nilai pada tahun 2016 iaitu RM78,294, yang mana nilai tersebut melepasi sasaran pertumbuhan produktiviti tahunan yang ditetapkan iaitu 3.7%.

dalam kita menghadapi cabaran semasa. YAB Perdana Menteri turut menyatakan bahawa bagi mengekalkan keharmonian negara menerusi perpaduan nasional, kerajaan akan menubuhkan **Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat** dan mewujudkan **Indeks Perpaduan Nasional** sebagai instrumen untuk memantau tahap perpaduan dan keharmonian.

Berdasarkan **Indeks Keamanan Global (GPI) 2018**, Malaysia berada pada **kedudukan ke-25 daripada 163 negara** berbanding di tangga ke-29 pada tahun lalu. Malaysia merupakan **satu daripada lima negara teraman** di rantau Asia Pasifik dan ini membuktikan bahawa toleransi kaum di negara ini berada pada tahap tertinggi.

Sejak akhir-akhir ini, semakin banyak media sosial digunakan untuk melontarkan komen yang tidak sensitif secara terbuka yang boleh menggugat perpaduan antara kaum. Sejarah negara membuktikan Malaysia terbentuk hasil daripada permuafakatan antara kaum di bawah konsep toleransi. Sikap hormat-menghormati membolehkan Malaysia mencapai keamanan hingga kini menghampiri 62 tahun pada tahun ini. **Seperti kata Confucius:**

“Without feelings of respect, what is there to distinguish men from beasts?”

Penjawat awam diingatkan untuk tidak terlibat dalam memberikan komen atau status yang menjelikkan di media sosial seperti *facebook, instagram, twitter* ataupun medium perhubungan yang lain yang boleh menggugat perpaduan dan imej kerajaan. Tindakan kita sebagai **penasihat** kepada pemerintah adalah penting, bukan sahaja sebagai **pencetus idea inovatif** yang mampu melonjakkan imej Perkhidmatan Awam sebagai sebuah perkhidmatan yang terunggul di peringkat global, malah berperanan membendung sebarang isu negatif yang mampu juga menggugat kemakmuran negara.

Institusi kerajaan perlu bergabung tenaga dan idea dalam mengadakan aktiviti bagi mengukuhkan lagi semangat perpaduan dan kesatuan rakyat di semua peringkat. Bak kata pepatah, ***bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat***. Penjawat awam perlu **meningkatkan produktiviti kerja** dalam menggiatkan kemajuan dan pembangunan ekonomi seterusnya memastikan hasil usaha kita ini akhirnya dapat diterjemahkan dalam bentuk **kemakmuran dan kesejahteraan negara**. Ucapan **Selamat Hari Wanita Sedunia** kepada semua warga kerja wanita yang disambut pada 8 Mac 2019. 58.2% anggota perkhidmatan ialah wanita.

Terima kasih kepada Bank Negara Malaysia (BNM) kerana sudi bekerjasama dengan JPA-INTAN bagi mengadakan Modul kewangan Peribadi menerusi E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA). Semoga semua penjawat awam dapat mendalami pengurusan kewangan peribadi dengan lebih mudah dan cepat.



MAJLIS AMANAT KEPADA PENERIMA HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP) & CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH TANPA BIASISWA (CBBPTB) SESI 2019


22 JANUARI 2019
DEWAN D, MAEPS SERDANG

Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan kepada Allah SWT dan selawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW dengan limpah kurnia Nya dapat kita bersama-sama dalam Majlis Amanat Kepada Penerima Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) Dan Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB) Bagi Sesi 2019 pada pagi ini. Ucapan terima kasih kepada Bahagian Pembangunan Modal Insan (BMI) selaku urus setia majlis dan juga ucapan tahniah kepada pegawai-pegawai yang berjaya terpilih sebagai penerima HLP dan CBBPTB bagi sesi 2019.

Program Hadiah Latihan Persekutuan atau lebih dikenali sebagai HLP mula diperkenalkan pada tahun 1968 atas nama *Colombo Plan Scholarship*. Sebagai salah satu mekanisme pelaburan pembangunan modal insan, HLP disediakan kepada Pegawai Pengurusan dan Profesional dalam Perkhidmatan Awam untuk

melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana dan PhD dengan kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa, yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran, kepakaran dan ilmu pengetahuan pegawai ke arah membangunkan modal insan yang responsif dan kompeten, serta dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Selain itu, kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa turut disediakan.

Bagi tahun 2019, sebanyak 550 calon telah ditawarkan HLP manakala tujuh (7) pegawai ditawarkan Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa. Daripada keseluruhan jumlah **557 penerima HLP dan CBBPTB**, seramai 438 iaitu 78.63% pegawai akan melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana, manakala 119 iaitu 21.36% pegawai akan menyambung pengajian ke peringkat Ph.D. mengikut statistik berikut:



Selaras dengan **Tonggak Ke-Empat Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas**, iaitu memperkasakan modal insan melalui pendedahan kepada inovasi dan teknologi baharu, JPA menyahut saranan ini dengan meningkatkan bilangan kuota pegawai mengikuti pengajian ke luar negara daripada 10 pegawai kepada 26 orang pegawai (lebih kurang lima peratus daripada jumlah slot penawaran) pada sesi penawaran tahun ini di dalam pelbagai bidang pengajian mengikut keutamaan negara. Jumlah kuota ini akan ditambah pada sesi penawaran akan datang. Ini adalah sebagai salah satu usaha Kerajaan untuk menjadikan perkhidmatan awam yang mempunyai anjakan pemikiran global yang sentiasa bersedia dan mampu menerima cabaran menghadapi perubahan dunia semasa yang pantas bergerak ke hadapan.

Selain itu, penawaran kali ini juga terdapat sedikit perbezaan berbanding tahun yang sebelumnya, yang mana seramai lapan (8) pegawai telah ditetapkan untuk menyambung pengajian di negara Jepun. Penetapan ini dibuat selaras dengan hasrat kerajaan untuk memperkasa **Dasar Pandang Ke Timur 2.0** dengan mempelajari dan menerima guna amalan terbaik daripada Negara Jepun, khususnya melalui penerapan pengetahuan dan kemahiran teknologi terkini dalam pengajaran dan pembelajaran.

Menyedari akan keperluan bentuk pengajian yang seiring dengan perkembangan semasa dunia, penawaran pada kali ini turut dibuka kepada pegawai yang berminat untuk mengikuti pengajian *Doctor of Business Administration* (DBA) dan Program Dual PhD yang dijalankan di Universiti Awam bertaraf Universiti Penyelidikan.

Dari segi bidang pengajian, kita sedar bahawa dewasa ini lanskap baharu dunia diwarnai dengan pelbagai tuntutan dan hambatan lebih-lebih lagi dengan dunia digital tanpa sempadan. Oleh yang demikian, selain daripada bidang-bidang pengajian yang telah diunjurkan bagi setiap kumpulan Skim Perkhidmatan Gunasama dan Bukan Gunasama, **penekanan** adalah lebih diberikan kepada pegawai untuk mengikuti pengajian dalam **bidang teknologi maklumat** dan **komunikasi** atau ICT terutamanya yang berkaitan

dengan Data Raya atau *Big Data*, Revolusi Industri Keempat atau IR4.0 dan *Internet of Things*.

Evolusi perubahan teknologi dunia pada hari ini sangat pantas, penuh dengan sesuatu yang tidak dapat dijangka. Perkara yang *impossible* pada suatu masa dahulu boleh menjadi kenyataan pada masa hari ini. Perkembangan teknologi seperti *Internet Of Things (IoT)*, *Artificial Intelligent (AI)*, robot dan Big Data telah mengubah cara hidup manusia, cara berfikir dan cara bertindak. Justeru dengan pelbagai inovasi dan teknologi terkini maka wujudlah perkembangan Revolusi Industrial 4.0 (IR4.0) dan yang terbaharu *Society 5.0* iaitu *super-smart society* yang dipelopori oleh Negara Jepun.

Melihat kepada perkembangan ini, untuk terus relevan sebagai penjawat awam, kita perlulah sama-sama bergerak. Persoalannya sepantas mana kah kita harus bergerak seiring dengan perubahan teknologi? Itu merupakan cabaran kepada kita di dalam mengharungi arus persekitaran dunia teknologi yang *unpredictable* and *uncertain* dan pada masa yang sama mengekalkan nilai-nilai peradaban manusia.

Sebagai penjawat awam, keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan adalah merupakan sesuatu cabaran kerana keupayaan ini lah yang akan membezakan diri kita dengan yang lain. Pada masa kini, kaedah tradisional dan konvensional semakin hilang dan tidak relevan. Selari dengan perkembangan teknologi yang semakin berkembang pesat, *way of doing things* dalam penyampaian perkhidmatan juga telah berubah. Justeru, untuk terus maju dan berdaya saing penjawat awam perlu terus menyesuaikan diri dengan perubahan. Konsep *learn*, *unlearn* dan *relearn* menekankan agar kita fokus kepada yang penting dan menjadi keutamaan, melepaskan ilmu, amalan dan peraturan lama yang tidak lagi relevan sebaliknya terus proaktif meneroka, mencipta dan mempelajari perkara-perkara baharu untuk terus memacu persaingan ke peringkat baharu yang lebih kompetitif.

Pilihan adalah di tangan tuan-tuan dan puan-puan. Bertindak dan bertindak, perubahan akan tetap berlaku. Gunalah peluang ini untuk menimba ilmu dan meningkatkan kompetensi melalui *skills* set tertentu secara professional dan juga sebagai individu untuk sama-sama membangunkan negara melalui pekhidmatan awam yang *agile* kepada perubahan dan cabaran di masa hadapan.

Dalam hal ini, sukacita saya ingin quotes kata-kata dari seorang ahli falsafah dan ahli futurisme iaitu **Mr. Alvin Toffler**:

“The illiterate of the 21st century will not be those who cannot read and write, but those who cannot learn, unlearn, and relearn.”

Negara kita pada masa ini berada pada **titik akhir** dalam perjalanan menuju ke arah **mencapai Wawasan 2020**. Sebagai panduan untuk mencapai wawasan ini, salah satu penekanan dalam Misi Nasional ialah pembangunan modal insan kerana kejayaan masa depan negara bergantung kepada mutu modal insan yang dimiliki sama ada dari segi intelek atau keperibadian. Nilai modal insan inilah yang akan mencorakkan hala tuju negara. Pendekatan yang menyeluruh terhadap pembangunan modal insan, yang menekankan bukan sahaja ilmu pengetahuan dan kemahiran tetapi juga nilai etika, minda yang progresif dan kesedaran budaya yang tinggi kerana ia merupakan prasyarat yang penting dalam membina negara yang lebih berdaya saing dan maju.

Dalam konteks Malaysia baharu pada hari ini, dapat dilihat bahawa Kerajaan benar-benar serius dalam usaha memperkasakan modal insan ke arah mengharungi persekitaran ekonomi yang semakin mencabar. Komitmen kerajaan ini diterjemahkan dalam bentuk peruntukan biasiswa yang telah diumumkan dalam pembentangan Bajet 2019 pada bulan November yang lalu. Peruntukan biasiswa sebanyak **RM2.2 bilion** telah diperuntukkan kepada JPA, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan bagi menaja pelajar dan pegawai untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Selain itu, Kajian Separuh Penggal Rancangan

Malaysia Kesebelas (RMK11) juga turut memberi perhatian kepada aspek **memperkasakan modal insan** bagi mencapai matlamat untuk mewujudkan modal insan yang berkemahiran, berpengetahuan dan berinovatif seperti digariskan di dalam Tonggak Keempat dokumen kajian separuh penggal tersebut.

Pada hari ini, nilai penajaan dan kemudahan yang diberikan kepada penerima HLP dalam Ringgit Malaysia amat tinggi jumlahnya dari RM25,000.00 hingga RM120,000.00 seorang untuk pengajian di peringkat Sarjana dan PhD dalam negara. Manakala, RM210,000.00 sehingga ke RM800,000.00 seorang diperuntukkan untuk menaja pengajian Sarjana dan PhD di luar negara. Elaun dan kemudahan yang ditawarkan bukan sahaja kepada pegawai namun turut meliputi ahli keluarga pegawai. Jumlah yang saya sebutkan tadi tidak termasuk gaji penuh yang diterima oleh pegawai HLP dan Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa di sepanjang tempoh pengajian.



Renungkanlah, betapa besarnya jumlah wang rakyat yang dibelanjakan bagi membiayai seorang pegawai di bawah program HLP. Sewajarnya, kita wajib bersyukur dan memanfaatkan sepenuhnya Hadiah Latihan yang diberikan ini. Kita tidak boleh menganggap kemudahan ini sebagai hadiah semata-mata. Sebaliknya kita hendaklah menerima kemudahan ini sebagai satu bentuk pelaburan jangka panjang dengan harapan supaya tuan-tuan dan puan-puan berupaya menyumbang balik kepada negara dan rakyat selepas tamat belajar kelak dalam bentuk kualiti perkhidmatan yang jauh lebih baik daripada apa yang tuan puan beri pada masa ini.

Sempena tahun baharu 2019 yang baru sahaja membuka tirainya, Ketua Setiausaha Negara telah menggariskan enam amanat penting iaitu:

1. Pembaharuan yang berterusan. Permulaan tahun baharu tidak bermaksud meninggalkan segala yang telah berlalu, tetapi meneruskan aspirasi bagi memperkemaskan perkhidmatan awam.
2. *Do the right thing right the first time*. Kesalahan atau kesilapan bukan satu pilihan. Budaya kerja berintegriti, menepati janji dan masa serta amanah dalam setiap tindakan adalah faktor kecemerlangan perkhidmatan awam.
3. Memodenisasikan penyampaian perkhidmatan. Prosedur sedia ada harus diteliti kewajarannya bagi memastikan ia sentiasa relevan. Media sosial harus dimanfaatkan untuk penyampaian yang lebih cepat dan tepat.
4. Perkhidmatan yang mesra rakyat. Perkhidmatan kerajaan perlu mesra rakyat dan harus sentiasa menghulur bantuan. Jangan biarkan rakyat terus beranggapan bahawa urusan dengan kerajaan merupakan sesuatu yang rumit, membazir masa dan menyusahkan.
5. Cabaran persekitaran global. Penjawat awam harus sentiasa bersedia sebagai penggerak utama dalam membantu kerajaan menghadapi cabaran semasa dengan memastikan tidak berlaku pembaziran sumber. Segala peruntukan perlu dibelanja dengan optimum serta berhemah.

6. Penjawat awam harus bersatu, ikhlas dan berfikir secara terbuka untuk melaksanakan perubahan agar perkhidmatan awam menjadi satu institusi yang disegani. Peliharalah keharmonian dalam keterujaan membuat pembaharuan dan perubahan.

Majlis taklimat pada hari ini saya kira sangat penting kerana ianya merupakan platform bagi tuan-tuan dan puan-puan mendapat pendedahan awal mengenai persediaan yang perlu diberi perhatian sebelum memulakan pengajian seawal bulan September tahun ini.

Sepanjang tempoh pengajian, kita hendaklah sentiasa ingat bahawa kita adalah penjawat awam yang masih berkhidmat dan tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam. Disiplin dan etika penjawat awam hendaklah sentiasa didokong walau di mana berada. Walaupun bergelar pelajar, namun sebagai penjawat awam, kita hendaklah peka terhadap perkembangan yang berlaku di dalam urusan pentadbiran Kerajaan, ekonomi negara dan dunia, perkembangan sosial termasuklah perkembangan sektor perkhidmatan awam itu sendiri.

Sebagai penjawat awam, kita perlu sedar bahawa kita merupakan tulang belakang kepada pelaksanaan dasar dan program yang dirancang oleh pihak kerajaan. Maka kita harus memegang kepada lima prinsip yang sangat penting iaitu **Berilmu, Kebolehpercayaan, Budaya Amalan Kerja Terbaik, Semangat Patriotik dan Budaya Keberhasilan** yang berteraskan '**Outcome Based**'. Saya yakin, jika tuan-tuan dan puan-puan berjaya memegang kepada lima prinsip ini di samping peluang pengajian yang telah diberikan, maka lebih kukuhlah kebolehan kita untuk mendakap arus perubahan dan sentiasa bergerak ke hadapan memimpin agenda pembangunan negara.

Sebelum saya akhiri ucapan saya, saya ingin mengingatkan sekali lagi bahawa tuan-tuan perlu menamatkan pengajian dengan jayanya. Harus diingat, mana-mana pegawai yang gagal menamatkan pengajian dengan jayanya sama ada atas sebab kelemahan



akademik, menarik diri atau masalah disiplin, maka tuan-tuan akan dikenakan tindakan penalti dan tuntutan gantirugi. Tuan-tuan juga mesti tahu bahawa apabila tamat pengajian kelak, tuan-tuan perlu menyempurnakan ikatan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan yang dinyatakan di dalam dokumen perjanjian tuan-tuan kelak.

Jauh di sudut hati saya, saya amat berharap dan berdoa agar semua yang ada di hadapan saya ini akan berjaya menamatkan pengajian masing-masing dengan jayanya dan *Graduate On Time*. Bacalah panduan dalam 'kit' yang disediakan dan ingatlah isi kandungan taklimat yang disampaikan sepanjang hari ini. Semoga dengan persediaan yang baik membolehkan proses pengajian tuan-tuan berjalan lancar demi menggenggam segulung skrol di akhir pengajian nanti. In Shaa Allah.

Jadi, tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada tuan-tuan yang telah ditawarkan HLP dan CBBPTB untuk sesi kali ini, dan selamat maju jaya. Maka dengan ini, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Majlis Amanat Kepada Penerima Hadiah Latihan Persekutuan dan Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa Bagi Sesi 2019.



MAJLIS PENYAMPAIAN SURAT PENGIKTIRAFAN KEPAKARAN DAN PEMANGKUAN KEPADA PEGAWAI PAKAR BIDANG KHUSUS (*SUBJECT MATTER EXPERT - SME*) KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

18 MAC 2019 (ISNIN)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Alhamdulillah, terlebih dahulu izinkan saya memanjat rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya, kita dapat berkumpul pada hari ini untuk menyempurnakan Penyampaian Surat Pengiktirafan Kepakaran dan Pemangkuhan Kepada Pegawai Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert - SME*) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Ribuan terima kasih diucapkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kerana sudi mengadakan majlis ini dan menerima kunjungan daripada saya dan pasukan Jabatan Perkhidmatan Awam pada hari ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan merakamkan

ucapan terima kasih kepada semua di atas usaha melaksanakan dan merealisasikan Laluan Kerjaya Pakar Bidang Khusus bagi Pegawai-pegawai di KKM.

KKM merupakan antara yang terawal berjaya mendapat pengiktirafan Pegawai SME oleh Kerajaan selepas pekeliling SME berkuat kuasa. Tahniah diucapkan! **20 pegawai SME** ini yang terdiri daripada :

- 10 Pegawai Sains
- 2 Pegawai Optometri
- 3 Pegawai Dietetik dan
- 5 Pegawai Pemulihan Perubatan

13 bidang dan 24 sub bidang SME telah diluluskan bagi KKM, dan pengisian pegawai SME ini melibatkan **10 bidang dan 15 sub bidang**.

Besar harapan Kerajaan dan Perkhidmatan Awam untuk melihat kejayaan (success story) Pegawai SME sama ada di peringkat Nasional dan Antarabangsa. SME merupakan aset kepada Negara. Jesteru, Pegawai SME melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan cemerlang. Adalah diingatkan sepanjang berada di laluan SME ini, Pegawai akan dinilai prestasi kepakarannya oleh Ketua Perkhidmatan disamping pelaksanaan tugas hakiki yang akan dinilai oleh Pegawai Penilai Pertama.

JPA sentiasa bersedia membantu pihak Jabatan mahupun Pegawai SME di dalam memastikan kelancaran pelaksanaan laluan ini. Sekali lagi, saya mengucapkan syabas dan setinggi tahniah kepada 20 Pegawai SME KKM ini. Saya berharap agar semua yang diraikan hari ini mengekalkan rentak kecemerlangan dan komitmen dalam laluan SME serta terus mendokong usaha Kerajaan untuk mencapai taraf Negara Maju 2025.

Bidang dalam tulisan berwarna merah telah dibuat pengisian Pegawai SME di KKM

KKM 13 BIDANG



Fizik



Dietetik



*Perubahan
Genetik*



*Penglihatan
Binokular*



*Terapi Pertuturan
dan Bahasa*



Pemakanan



Radioterapi



Farmakoterapi



Mikrobiologi



*Pengimejan
Diagnostik*



Transfusi



*Rehabilitasi
Audiologi*



*Regulatori
Farmasi*



MAJLIS PERASMIAN MODUL INTEGRASI KUMPULAN (*GROUP INTEGRATION*) BERSAMA-SAMA PESERTA PROGRAM DPA INTAN TAHUN 2019

7 JANUARI 2019 (ISNIN)
KEM LAMBAIAN DANAU, JASIN, MELAKA

Terima kasih kepada pihak INTAN atas kesudian mengundang saya untuk hadir ke sesi interaksi pada malam ini bersama-sama dengan peserta Program Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPA) INTAN Tahun 2019 dan seterusnya merasmikan Modul Integrasi Kumpulan (G.I) ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada saudara dan saudari kerana berjaya melepasi beberapa peringkat saringan awal yang ditetapkan oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sehingga terpilih untuk mengikuti Program DPA INTAN yang dibangunkan secara komprehensif khusus untuk melahirkan bakal Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) yang kompeten, mempunyai personaliti unggul serta mempunyai daya tahan yang tinggi dalam menghadapi apa jua cabaran mendatang.

Program ini telah dikendalikan oleh INTAN selama 42 tahun mulai 1977 dan telah melahirkan ramai tokoh pemimpin perkhidmatan awam yang berwibawa, cemerlang, berintegriti serta banyak menabur jasa kepada negara dan rakyat. Justeru, Program DPA ini merupakan langkah permulaan perjalanan saudara dan saudari untuk bergelar seorang Pegawai Tadbir dan Diplomatik. Saudara dan saudari hendaklah memberikan sepenuh komitmen serta berusaha bersungguh-sungguh untuk berjaya dengan cemerlang dalam Program DPA ini.

Sepanjang menjalani Program DPA ini, saudara dan saudari akan didedahkan dengan **pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk menjadi seorang PTD yang berkaliber**. Jangan sempitkan pemikiran dengan hanya menumpukan kepada bidang atau ilmu yang diminati sahaja, sebaliknya lihatlah daripada pandangan yang lebih luas dengan meneliti kemahiran-kemahiran baharu yang boleh dipelajari. Buang dan ubah sikap lama yang tidak murni dan terapkan perubahan-perubahan yang positif sepanjang berkursus.

Suka saya mengingatkan akan ekspektasi Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam supaya **komponen pembangunan sahsiah diberi penekanan utama** dalam penilaian Program DPA INTAN selain daripada komponen akademik. Ini kerana, aspek pembentukan peribadi serta jati diri merupakan elemen yang amat penting dalam **melahirkan seorang pegawai yang berperibadi unggul**. Segulung ijazah yang saudara dan saudari perolehi hanyalah sebagai tiket untuk memasuki program ini. Tidak dinafikan rata-rata dari kalangan saudara saudari mempunyai kelulusan akademik yang cemerlang dari dalam negara mahupun luar negara malah saya dimaklumkan bahawa terdapat empat (4) orang peserta yang mempunyai Ijazah Kedoktoran (PhD) dalam kumpulan ini. Namun akhirnya, aspek sikap dan sahsiah yang terpuji menjadi penentu kejayaan saudara dan saudari baik dalam Program DPA mahupun sepanjang karier saudara -saudari sebagai PTD.

Apatah lagi, sekiranya saudara-saudari terpilih untuk menyertai skim perkhidmatan PTD dan akan ada sebilangan yang bakal mengisi jawatan-jawatan strategik di Kementerian/Jabatan/Agensi kelak. Kredibiliti serta perilaku saudara dan saudari sebagai pemimpin



akan dinilai bukan sahaja oleh pegawai atasan tetapi juga oleh pegawai serta kakitangan di bawah seliaan saudara-saudari sekalian.

Kita perlu menjadi *role model* yang bagus bukan sahaja kepada penjawat awam yang lain tetapi kepada masyarakat juga. Pegawai yang berdisiplin tinggi sudah pasti akan menghasilkan mutu kerja yang berkualiti. Masyarakat sentiasa mengharapkan **perkhidmatan yang cekap, pantas dan terbaik** diberikan kepada mereka. Perlu diingat, kita akan bertugas untuk kepentingan masyarakat dan dalam masa yang sama juga, mereka memerhati setiap tindak tanduk dan tingkah laku kita sebagai pegawai kerajaan. Bak kata John F. Kennedy, Presiden Amerika ke-35 pernah berkata : “Ask not what your country can do for you, ask what you can do for your country”.

Ukhuwah dan kesatuan dalam kalangan saudara dan saudari hendaklah dijaga dengan baik. Konsep “All for one, one for all” yang diterapkan dalam DPA hendaklah dihayati sebaiknya. Inilah kesatuan jaringan rakan sekerja yang suatu masa nanti akan memudahkan urusan saudara dan saudari. Bukan untuk disalahgunakan demi kepentingan diri atau sesiapa tetapi bagi memastikan agenda kerajaan berjaya dicapai. Setiap peserta hendaklah memberi sumbangan idea serta tenaga dan tidak menjadi beban kepada rakan yang lain dengan hanya menjadi passenger sahaja sepanjang mengikuti program ini.

Untuk lulus dalam Program DPA dan seterusnya dilantik menjadi PTD, saudara dan saudari perlu mencapai prestasi yang cemerlang bagi kedua-dua penilaian komponen akademik dan juga komponen pembangunan sahsiah. Pihak INTAN tidak akan teragak-agak untuk menamatkan peserta yang didapati tidak mencapai tahap yang ditetapkan tanpa mengira latar belakang dan status saudara dan saudari. Oleh itu, janganlah ambil mudah dan melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan sepanjang sepuluh (10) bulan ini.

Selamat maju jaya saya ucapkan dan semoga saudara dan saudari sentiasa mempunyai momentum yang tinggi untuk terus mencipta kecemerlangan, berfikiran positif dan terbuka serta memberi sepenuh komitmen bagi memastikan saudara dan saudari lulus dengan jayanya dalam Program DPA ini. Marilah bekerja sebagai satu pasukan yang saling menerima kelebihan serta kekurangan masing-masing. ***'Teamwork makes the dream work'***.

Akhir kata, saya mendoakan agar apa sahaja usaha yang kita lakukan untuk merealisasikan pelaksanaan Program DPA INTAN diberkati Allah s.w.t. dan dipermudahkan segala urusan yang mendatang kelak. Insya Allah. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Modul Integrasi Kumpulan (G.I) bagi Program DPA INTAN Tahun 2019.



MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN BAGI PEKERJA-PEKERJA SAINS DAN TEKNOLOGI DALAM KUMPULAN PELAKSANA (MBK S&T) TAHUN 2018

15 NOVEMBER 2018
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. atas limpah dan kurnia-Nya pada hari ini, kita sekali lagi dapat bersama-sama dalam Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-Pekerja Sains dan Teknologi Dalam Kumpulan Pelaksana (MBK S&T) Tahun 2018. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada semua Ahli MBK S&T yang telah dilantik dalam Persidangan Perwakilan MBK S&T Dwi-Tahunan Sesi 2018-2020 yang telah diadakan pada 7 September 2018 yang lalu juga kepada Ahli MBK S&T terdahulu atas sumbangan idea, buah fikiran dan tenaga semasa memegang jawatan iaitu:

1. Encik Sayuti bin Dollah (bersara wajib pada 6 Januari 2018);
2. Encik Laurance Vun (bersara wajib pada 15 April 2018);
3. Encik Ahmad Fauzi bin Mohamed;
4. Encik Zainal bin Abu Hassan;

5. Encik Awis bin Puteh;
6. Encik Mohd Rahim bin Abd Wahid;
7. Encik Zainal bin Abd. Ghaffar; dan
8. Encik Osman bin Romeli.

Ribuan terima kasih kepada ahli-ahli mesyuarat yang telah menunjukkan komitmen yang tinggi untuk hadir mesyuarat pada hari ini dan berharap supaya semua ahli mesyuarat dapat berbincang dalam suasana yang tenang dan mesra berprinsipkan kepada permuafakatan bagi menghasilkan keputusan yang jitu dan bermanfaat kepada semua pihak.

MBK merupakan inisiatif Kerajaan bagi **membentuk hubungan majikan-pekerja** melalui perbincangan yang berkesan di antara pihak pekerja dan pihak pegawai. MBK memainkan peranan penting dalam mewujudkan kerjasama yang erat di antara kedua-dua belah pihak ke arah **meningkatkan kualiti dan prestasi Perkhidmatan Awam.**

Sebagai rakan kongsi dalam memantapkan penyampaian Perkhidmatan Awam, ahli-ahli MBK boleh memberi pendapat dan membincangkan prinsip-prinsip saraan, elaun, kemudahan dan syarat-syarat perkhidmatan secara umum dan bukan perkara khusus yang melibatkan seseorang individu. Isu-isu yang berbentuk operasi, pelaksanaan dan lokaliti sewajarnya dibincang, diurus dan diselesaikan di peringkat jabatan melalui pelbagai platform termasuklah melalui Majlis Bersama Jabatan (MBJ).

Kertas kerja yang dibentangkan perlulah spesifik, boleh diukur, tepat, realistik, bersesuaian dengan masa/keadaan (SMART) dan mempunyai impak ke arah meningkatkan produktiviti serta disokong oleh data yang terperinci merangkumi implikasi kewangan. Ini dapat membantu ahli mesyuarat untuk memahami isu yang diutarakan dengan jelas dan keputusan yang tepat dapat dibuat.

Pihak Pekerja dan Pihak Pegawai perlu sentiasa bekerjasama dan memberi fokus kepada perkara dasar dengan melontarkan

pandangan dan pendapat supaya hasil perbincangan menerusi MBK dapat direalisasikan untuk manfaat dan kepentingan perkhidmatan awam secara keseluruhannya. Hubungan baik, sikap tolak ansur dan hormat-menghormati antara pihak pegawai dan pihak pekerja wajar dipelihara dan dikekalkan untuk kebaikan kedua-dua belah pihak.

Perkhidmatan awam merupakan nadi kepada pentadbiran sesebuah Kerajaan dan kepercayaan Kerajaan terhadap perkhidmatan awam adalah penting bagi memastikan setiap aspirasi dan agenda pembangunan negara dapat dilaksanakan. Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Edelman Trust Barometer 2018, Indeks Kepercayaan (Trust Index) terhadap Perkhidmatan Awam Malaysia hanya 46% berbanding Indonesia yang memperolehi 73% dan Singapura memperolehi 65%. Penjawat awam perlu meningkatkan usaha bagi mengembalikan kepercayaan Kerajaan dan rakyat terhadap perkhidmatan awam.

Penjawat Awam juga perlu sentiasa bersifat neutral dan tidak terpengaruh dalam mana-mana agenda politik kepartian sebaliknya fokus kepada tanggungjawab untuk menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat dan terus setia kepada raja, negara dan kerajaan yang dipilih. Kerajaan telah bersetuju menggantikan frasa "Saya Yang Menurut Perintah" kepada "Saya Yang Menjalankan Amanah" berkuat kuasa pada 20 September 2018 sejajar dengan hasrat supaya setiap penjawat awam dapat menghayati bahawa setiap perintah, tugas dan tanggungjawab merupakan amanah yang perlu dilaksanakan dengan sebaiknya.

Dalam konteks ini, amanah bermaksud: Rela dan berusaha melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dalam batas kuasa yang ditentukan dengan penuh gigih dan ikhlas bagi mencapai objektif yang ditetapkan; dan mempunyai sifat luhur dan murni, jujur kepada sendiri, rakan dan organisasi. Kita perlu memastikan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam sentiasa selari dengan agenda pembangunan negara untuk memposisikan negara di dalam kelompok terbaik dunia demi kesejahteraan rakyat.

Malaysia berdepan dengan cabaran dan kekangan kewangan yang memerlukan komitmen pelbagai pihak dalam menyokong usaha yang dilakukan oleh Kerajaan bagi memastikan Malaysia berada di landasan yang betul. Pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) 2016 - 2020 oleh YAB Perdana Menteri telah menyatakan beberapa perkembangan positif Malaysia bagi tahun 2016 - 2017 seperti Pendapatan Negara Kasar (PNK) perkapita pada harga semasa meningkat pada kadar 6.7%; dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara berkembang sebanyak 5.1% setahun dalam suasana inflasi pada kadar purata 2.9%.

Dalam pembentangan tersebut juga YAB Perdana Menteri telah menggariskan **6 tonggak utama** untuk dilaksanakan dalam tempoh 2018 - 2020 bagi meningkatkan daya tahan asas ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat iaitu:

1. Mereformasi tadbir urus ke arah meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam;
2. Memperkukuh pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat;
3. Menuju ke arah pembangunan wilayah yang seimbang;
4. Memperkasa modal insan;
5. Mempertingkatkan kemampanan alam sekitar melalui pertumbuhan hijau; dan
6. Memperkukuh pertumbuhan ekonomi.

Tonggak pertama yang digariskan adalah merujuk kepada perkhidmatan awam dengan menetapkan empat (4) keutamaan iaitu:

1. Menambah baik tadbir urus pada semua peringkat;
2. Meningkatkan integriti dan akauntabiliti;
3. Menkuatkuasakan pelaksanaan pengurusan kewangan awam secara berhemat; dan
4. Memperkukuh penyampaian perkhidmatan awam

Ini menunjukkan segala usaha yang dilaksanakan Kerajaan merupakan usaha yang membawa kebaikan kepada negara dan rakyat khususnya serta turut membawa kepada pengiktirafan di mata dunia. Sebanyak RM314.5 bilion telah diperuntukkan oleh Kerajaan melalui Bajet 2019 yang dibentangkan pada 2 November 2018 dengan 29.1% adalah perbelanjaan emolumen yang merupakan pecahan perbelanjaan yang tertinggi.

Bagi menyokong perkembangan sains dan teknologi, Kerajaan juga telah mencadangkan pelbagai inisiatif baharu khususnya melibatkan program di bawah Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dan ke arah menjadikan Malaysia destinasi utama untuk pelaburan industri berteknologi tinggi. Penghargaan dan tanda terima kasih Kerajaan kepada perkhidmatan awam turut dinyatakan dalam Bajet 2019 dengan memberikan insentif melalui bayaran khas sebanyak RM500 kepada penjawat awam Gred 54 ke bawah dan RM250 kepada pesara Kerajaan. Bayaran tersebut akan diberikan sebelum hujung tahun 2018.

Selain itu, Kerajaan melalui **Bajet 2019** juga turut memberikan insentif lain kepada penjawat awam merangkumi:

1. Pemberian bantuan sebanyak RM500 secara one-off kepada pesara yang menerima pencen kurang daripada RM1,000 sebulan, untuk yang berkelayakan;
2. Memanjangkan kemudahan perubatan kepada ibu bapa pegawai lantikan kontrak (*contract of service*) warganegara;
3. Memanjangkan kemudahan Cuti Tanpa Rekod sebanyak 7 hari sekali sepanjang tempoh perkhidmatan kepada penjawat awam yang bukan beragama Islam bagi tujuan menjalankan aktiviti keagamaan; dan
4. Memanjangkan tempoh pembiayaan perumahan sektor awam di bawah Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) di mana tempoh pembiayaan pertama daripada 30 tahun kepada 35 tahun dan tempoh Pembiayaan Kedua daripada 25 tahun kepada 30 tahun.



Ganjaran dan penghargaan yang telah diberikan Kerajaan perlu diselarikan dengan usaha, komitmen, prestasi dan peningkatan produktiviti supaya Perkhidmatan Awam sentiasa di hadapan. Sasaran yang telah ditetapkan oleh Kerajaan ini merupakan amanah dan tanggungjawab yang harus dipikul bersama.

Walau sebesar mana cabaran yang kita hadapi dalam era globalisasi dan teknologi maklumat yang sentiasa berubah tanpa kita sedar, kita sebagai penjawat awam seharusnya tidak mudah mencari dan memberikan alasan yang mampu merencatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Nilai-nilai murni perlu sentiasa menjadi amalan dalam perkhidmatan yang diberikan supaya integriti dan produktiviti penjawat awam dapat ditingkatkan bagi mengembalikan kepercayaan Kerajaan dan rakyat terhadap perkhidmatan awam.



Penjawat awam hendaklah memperkasakan Perkhidmatan Awam melalui penyampaian perkhidmatan holistik berlandaskan rule of law yang menekankan aspek kualiti dan integriti selari dengan hasrat Kerajaan. Perasaan dan tanggapan bahawa mereka bekerja semata-mata bagi memenuhi keperluan diri sendiri untuk mendapat upah atau ganjaran hendaklah dikikis tetapi sebaliknya semangat bekerja bagi faedah negara dan rakyat keseluruhannya hendaklah ditanamkan di jiwa semua.

Tiada cabaran yang tidak dapat kita tempuhi, tiada halangan yang dapat menyekat kita untuk terus berdaya saing. Sebaliknya terus bekerjasama mencari ruang kosong yang boleh diperbaiki sekaligus dapat **memantapkan penyampaian** perkhidmatan selaras hasrat Kerajaan yang mahu **melaksanakan reformasi terhadap tadbir urus perkhidmatan awam**.

MBK merupakan medium terbaik bagi membincangkan isu-isu semasa berkaitan perkhidmatan awam dan merupakan tempat di mana pihak pekerja boleh menyuarakan pendapat terhadap pihak pegawai serta bersama-sama mencetuskan idea terbaik dalam menyelesaikan masalah yang bersifat holistik. Semua pihak harus berganding bahu dalam mempertingkatkan produktiviti, memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat serta **mengukuhkan imej sektor awam**.

Semoga setiap pekerjaan kita mendapat keberkatan Ilahi, diberi ganjaran kebaikan dan kesejahteraan kepada kita, keluarga kita, bangsa dan negara. Saya berharap mesyuarat hari ini akan berjalan dengan lancar dan penuh permuafakatan demi memartabatkan Perkhidmatan Awam secara keseluruhan.



FORUM KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA Ke-11 DAN PASCA BAJET 2019

8 NOVEMBER 2018
AUDITORIUM INTAN, BUKIT KIARA

Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama hadir pada pagi ini, di dalam Forum Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 dan Pasca Bajet 2019.

Forum ini merupakan program bitara tahunan oleh Kluster Pengajian Ekonomi dan Kewangan Awam, INTAN sejak tahun 2006 lagi. Platform yang disediakan pada hari ini adalah wadah untuk Penjawat Awam memahami dengan lebih jitu dasar baharu era Pasca Pilihanraya Umum Ke-14, dan juga sebagai satu intellectual discourse bagi pelaksanaan dasar Kerajaan Malaysia Baharu dengan jayanya.

Oleh yang demikian, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan Tahniah dan Syabas kepada INTAN atas kejayaan

menganjurkan Majlis ilmu sebegini, dan berharap para hadirin akan sentiasa menyokong dan mendokong usaha murni INTAN untuk mendidik dan memartabatkan Perkhidmatan Awam. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada barisan panel yang sudi hadir pada hari ini, yang saya kira sebagai *the movers and shakers of economic policy* di Malaysia iaitu :

1. Puan Zakiah bt Jaafar, Timbalan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (Makro), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Malaysia;
2. Encik Johan Mahmood Merican, Pengarah Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan Malaysia;
3. Professor Emeritus Dr. Zakariah bin Abdul Rashid, Pengarah Eksekutif Malaysian Institute of Economic Research (MIER); dan tidak dilupai juga
4. Puan Anis Rizana binti Mohd Zainudin @ Mohd Zainuddin, Ketua Kluster Ekonomi dan Kewangan Awam selaku moderator.

Kedua-dua dokumen iaitu, **Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11** dan **Belanjawan 2019** merangkumi usaha Kerajaan Malaysia Baharu dalam **memperkukuhkan agenda pembangunan Negara** dengan memberi keutamaan dan penekanan baharu ke atas dasar, strategi dan inisiatif sedia ada serta memperkukuh **tadbir urus** bagi mencapai pertumbuhan **sosioekonomi yang lebih inklusif** dan **mampan** ke arah **meningkatkan kesejahteraan rakyat**.

Terdapat pelbagai perkara penting yang telah diutarakan di dalam kedua-dua dokumen ini, tetapi izinkan saya untuk menarik perhatian para hadirin kepada perkataan reformasi tadbir urus. Penekanan kepada **reformasi tadbir urus** oleh *Government of the day* dalam kedua-dua dokumen ini merupakan satu peringatan dan juga satu jaminan perlindungan kepada kita semua. Peringatan kepada segelintir mereka yang alpa supaya perlu kembali semula ke pangkal jalan. Sebaliknya yang lebih penting, menjadi jaminan perlindungan kepada majoriti kita yang melaksanakan tugas dengan amanah, agar dapat melaksana tugas dan tanggungjawab tanpa rasa takut atau cenderung kepada mana-mana pihak berkepentingan.

Pelaksanaan kedua-dua Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 dan Belanjawan 2019 ini adalah kritikal dengan keadaan *trend* ekonomi dunia yang semakin mencabar. Di sini saya ingin mengingatkan **pelaksanaan perancangan perlu efisien dan efektif**. Di dalam era Revolusi Perindustrian Keempat, kita sebenarnya bergerak melawan masa, di sini perlu adanya *a sense of ownership and a sense of urgency in the hearts of all civil servants at all levels*.

Saya begitu gembira melihat begitu ramai warga Perkhidmatan Awam membanjiri auditorium INTAN pada hari ini. Ini merupakan satu manifestasi sokongan padu kepada kedua-dua dokumen ini. Oleh yang demikian, saya berharap pelaksanaan Tonggak, Fokus, Strategi bagi mencapai sasaran terpilih yang telah dikenal pasti oleh Kerajaan dapat disempurnakan dengan jayanya.

Saya amat berharap agar para hadirin mendapat manfaat yang baik daripada forum kita pada hari ini dan meuar-uarkan semua dapatan daripada forum ini kepada rakan-rakan yang lain yang tidak dapat hadir pada hari ini. Akhir kata, marilah kita mengimbuai kata-kata YAB Tun Dr. Mahathir Mohamed, Perdana Menteri Malaysia ketika merasmikan kampus INTAN ini 34 tahun yang lepas, yang saya kira masih relevan iaitu:

“Dalam analisa yang akhir yang membezakan seseorang anggota awam yang baik dengan yang tidak baik ialah rasa peri kemanusiaan untuk berkhidmat kerana sedar dan insaf akan tanggungjawab yang diberi kepadanya.”

Oleh yang demikian para hadirin, marilah kita bersungguh-sungguh menjayakan pelan perancangan kita ini, Insya-Allah, Malaysia akan kembali semula mengaum sebagai Harimau Asia di persada antarabangsa. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Forum Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 dan Pasca Bajet 2019. Yang baik itu datang dari Allah S.W.T, yang buruk itu disandarkan atas kelemahan diri kita sendiri.



SESI SEMBANG SANTAI BERSAMA PELAJAR CEMERLANG TAJAAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA) DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

12 NOVEMBER 2018 (ISNIN)
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS)

Pertama sekali, saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana kita semua dapat berjumpa dalam sesi sembang santai bersama pelajar pada hari ini. Dan saya kira masih belum terlambat untuk saya mengucapkan Happy Deepavali pegawai dan pelajar yang terdiri daripada kaum India.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Sabah selaku tuan rumah kerana telah merealisasikan pertemuan kita pada hari ini. Terima kasih jua kepada saudara dan saudari sekalian kerana sudi hadir ke sesi interaksi ini.

Sejarah ketamadunan menunjukkan betapa pentingnya perkembangan ilmu pengetahuan. Kepentingan menuntut

ilmu sememangnya signifikan dalam membangunkan sebuah peradaban suatu bangsa. Antara tokoh ilmuwan Islam yang terkenal seperti Ibnu Sina dan Al-Biruni. Bangsa yang berjaya adalah bangsa yang kaya dengan ilmu. Ambil peluang penajaan yang diberikan ini untuk menggali ilmu secukupnya bagi menyumbang kepada pembangunan negara kelak.

Jika disusuri susur galur salasilah sejarah ketamadunan dahulu, sesuatu **bangsa** itu dapat **dimartabatkan melalui ilmu pengetahuan** dan menjadi **harta** yang dapat **menyuluh jalan kehidupan** ke arah yang lebih **cemerlang di masa hadapan**.

Demi menghadapi cabaran-cabaran alaf baru, saudara dan saudari perlu mempunyai pemikiran serta sikap yang proaktif dalam menimba ilmu dan tidak hanya mengharapkan sesi pembelajaran dalam bilik kuliah sahaja. Inilah yang dinamakan konsep Heutagogy iaitu self-directed learning.

Saudara dan saudari juga seharusnya mengamalkan Kaedah Bloom's Taxonomy di mana tujuan pembelajaran bukan setakat untuk mengingat sahaja tetapi untuk mencipta sesuatu yang baharu berdasarkan ilmu tersebut. Ini sudah pastinya akan melahirkan generasi yang kreatif dan inovatif bagi menyumbang kepada pembangunan mapan negara pada masa hadapan.

Justeru itu, adalah diharapkan supaya saudara dan saudari menggunakan peluang penajaan yang diberikan sebaik mungkin dengan belajar bersungguh-sungguh serta membina bakat yang ada sekaligus menjadi **modal insan yang terbaik menabur bakti kepada masyarakat, bangsa dan negara**.

Ribuan pelajar mendapat keputusan cemerlang dalam pengajian mereka setiap tahun. Pada tahun 2017, seramai 3,700 orang graduan daripada pelbagai bidang telah memperolehi ijazah kelas pertama. Bersama-sama saya hari ini merupakan pelajar cemerlang tajaan JPA yang telah berjaya memperoleh pencapaian dengan Purata Nilai Gred Keseluruhan antara 3.67 hingga 4.00 pada semester lepas.

Tahniah di atas usaha gigih saudara saudari dalam memastikan pencapaian akademik saudara saudari berada di tahap yang membanggakan dan semoga saudara saudari berjaya menamatkan pengajian dengan mencapai ijazah kepujian kelas pertama.

Walaubagaimanapun pada masa kini, pencapaian akademik yang cemerlang bukan jaminan untuk mendapat kerjaya yang diidam-idamkan kerana persaingan pekerjaan pada masa kini adalah sangat sengit. Maka saudara dan saudari perlu melengkapkan diri dengan **sifat sendiri yang unggul** dan **berdaya saing** agar tidak ketinggalan dalam merebut peluang kerjaya yang baik kelak. Saudara dan saudari perlu membuktikan kepada semua bahawa **bakat** saudara dan saudari tidak terhad kepada pencapaian akademik sahaja bahkan juga dari **segenap aspek**.

Dalam arus moden dan serba pantas ini, seharusnya saudara dan saudari perlu lebih proaktif dalam menentukan hala tuju kerjaya saudara dan saudari selepas tamat pengajian. Saudara dan saudari perlu lebih peka dengan tuntutan modal insan yang diperlukan serta mempersiapkan diri dengan sebaiknya untuk menghadapi cabaran yang mendatang. Penerapan sikap Kaizen (penambahbaikan berterusan) dalam diri masing-masing perlu ada dalam apa jua perkara yang dilakukan. Pastikan setiap tugas yang diberikan mampu dilaksanakan dengan **kualiti yang terbaik**.

Sebagai contoh, negara Singapura juga telah melaksanakan inisiatif *SkillsFuture* di mana ia memfokuskan kepada **pembelajaran sepanjang hayat** dan peningkatan **kemahiran selaras dengan persaingan** dalam arus moden masa kini. Inisiatif ini meluaskan lagi **definisi bakat**. Di mana ia merangkumi segala aspek pencapaian bakat yang ada pada seseorang pelajar itu. Inisiatif ini juga dilihat dapat memenuhi kriteria yang ditetapkan industri kerjaya pada masa kini. Kenali potensi dan bakat masing-masing agar dapat digunakan sebaiknya pada masa akan datang.

Sifat integriti yang mantap wajar ditanam dalam diri masing-masing. *Integrity is never easy*. Mengapa integriti sangat susah

untuk diamalkan? *Why is integrity, such a simple word, yet so complicated to be adhered to?* Adakah kerana definisi integriti itu sendiri berbeza-beza pada setiap individu atau organisasi. Atau sememangnya fitrah manusia tidak menyukai sesuatu elemen yang mengawal dan memantau. Tahun 2020 semakin hampir, namun usaha pembentukan mentaliti kelas pertama terutamanya aspek dalam integriti di kalangan warga Malaysia masih sukar untuk bergerak se pantas dengan kepesatan pembangunan fizikal infrastruktur Negara.

Jangan mengambil jalan mudah mencapai hasrat dan kepentingan diri. Ini kerana sesuatu yang diperolehi dengan cara yang tidak jujur maka akan hilanglah keberkatannya dan ianya pasti tidak akan kekal lama. Percayalah kejayaan yang diperolehi dengan hasil titik peluh dan keringat saudara dan saudari akan lebih manis dirasa dan akan lebih kekal lama. Bentuk sifat integriti yang kukuh dan seterusnya ia akan dapat membentuk peribadi unggul dan menjadi salah satu asbab untuk dihormati tidak kira di mana kita berada.

Tahniah atas kerja keras saudara dan saudari hingga mencapai pencapaian akademik yang cemerlang. Jangan pernah lupa tujuan dan matlamat saudara dan saudari berada di sini. Tujuan utama adalah untuk menimba ilmu sebanyak mungkin agar dapat menyumbang kembali kepada negara dan berkhidmat untuk rakyat setelah tamat pengajian kelak.

Perlu rasa bersyukur kerana peluang penajaan yang diberikan untuk melanjutkan pengajian di sini. Jangan mensia-siakan peluang yang diberikan dan jangan hampakan amanah rakyat kepada saudara dan saudari.

Saudara dan saudari perlu berasa bertuah kerana ada ramai lagi pelajar di luar sana yang tidak berpeluang mendapat penajaan pembelajaran ini. Oleh itu, ambillah peluang ini untuk berusaha bersungguh-sungguh demi mencapai kecemerlangan dan seterusnya membentuk jati diri yang cintakan negara dan sentiasa bersedia untuk menabur bakti kepada negara kelak. Tanamkan

semangat cinta pada **negara** dan perasaan ingin menyumbang kembali khidmat bakti pada negara tercinta.

Untuk menjadi negara maju setanding dengan negara berkuasa besar pada masa kini, kita bukan sahaja perlu mengorak langkah ke hadapan dari aspek kemajuan ilmuwan dan teknologi malahan juga dari aspek kualiti dalaman diri kita sendiri. Sesungguhnya, banyak nilai murni yang perlu disemai dan dipupuk dalam jiwa masing-masing supaya akan tetap cekal dan tabah dalam mendepani apa jua cabaran pada masa hadapan.

Justeru, saudara dan saudari perlu sentiasa menyematkan dalam diri nilai-nilai murni agar menjadi amalan berterusan dan menjadi sebahagian daripada diri saudara dan saudari sekalian. Dalam menghadapi alaf baharu iaitu abad ke-21, saudara dan saudari terdedah kepada pelbagai cabaran baharu yang berbentuk kebendaan, intelektual, pemikiran, kerohanian, kebudayaan, ideologi baharu dan isu-isu yang berkaitan dengan masalah etika.

Thomas Friedman dalam bukunya *The World Is Flat: A Brief History of the Twenty-First Century*, menyatakan pendidikan turut memainkan peranan penting dan menjadi kunci utama kepada kejayaan ekonomi dan kelestarian dunia dalam abad ke-21 ini. Manakala Alvin Toffler pula dalam bukunya *Power Shift: Knowledge, Wealth and Power at the Edge of The 21st Century* menyatakan bahawa '*the illiterate of the 21st century are not those that cannot read or write, but those that cannot learn, unlearn and relearn.*'

Pandangan ini adalah sangat relevan dan perlu diberi perhatian dalam usaha Malaysia ke arah menuju negara berasaskan ekonomi digital. Saudara dan saudari seharusnya memperkukuhkan diri dengan kemahiran berkolaborasi, berkomunikasi dan penyelesaian masalah. Kemahiran-kemahiran ini adalah sangat penting bagi mengharungi cabaran abad ke-21 dan ianya mampu dipelajari melalui pendidikan sosial dan emosi '**Social and Emotional Learning (SEL)**'.

Bagi mendepani cabaran tersebut, saudara dan saudari perlu bangkit dan membina kekuatan untuk menentukan masa depan yang lebih cerah. Saya percaya bahawa ilmu merupakan faktor terpenting dalam menentukan kebahagiaan individu dan kejayaan serta kekuatan sesuatu bangsa dan negara. Melalui ilmu juga dapat membina kekuatan minda ke arah daya fikir tinggi dan daya kreatif dalam kalangan individu dan bangsa. Saya pasti semua agama dan sistem sosial manusia mahukan ahlinya menguasai ilmu pengetahuan.

Dalam menempuhi era globalisasi pada hari ini memerlukan saudara dan saudari menggunakan daya fikir tinggi dan seterusnya mempunyai modal intelektual tinggi. Kemahiran berfikir dan pemikiran konstruktif juga perlu terarah kepada pandangan jauh dan luar biasa.

Revolusi ini ternyata mengubah cara bekerja dan hidup kita. Revolusi ini dipacu tiga domain teknologi utama iaitu fizikal, digital dan biological. Revolusi Industri 4.0, merangkumi simulasi dan realiti maya, integrasi sistem menegak dan melintang, Industri *Internet of Things (IoT)*, keselamatan siber, pengkomputeran awan, pembuatan bahan tambahan, rantaian bekalan, analisis data raya dan robot automasi. Bagi mendepani cabaran ini, kita perlu keluar dari kebiasaan dan zon selesa.

Forum Ekonomi Dunia (WEF) menggariskan pentingnya **penguasaan elemen 4C** iaitu ***Critical Thinking & Problem Solving, Communication, Collaboration*** dan ***Creativity*** pada semua peringkat termasuk di menara gading. Jika di sekolah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) menjadi nadi, pelajar di universiti usahlah leka berdiam diri. Perlu sentiasa bersikap positif dan bijak mencari dan memanfaatkan peluang yang ada. Doa saya buat semua, semoga kejayaan sentiasa mengiringi saudara dan saudari.

Akhir kata, sebagai salah satu agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan dalam usaha untuk membangunkan modal insan negara, JPA berharap supaya melalui penajaan yang



disediakan dapat melahirkan pelajar yang boleh bersaing bukan sahaja di dalam negara tetapi di peringkat global. Namun dalam masa yang sama menjadi warganegara yang masih berakar umbi kukuh sebagai rakyat Malaysia bertunjangan nilai etika dan kerohanian tinggi.

Di harap agar saudara dan saudari dapat memanfaatkan peluang penajaan yang diberikan dan menggunakan peluang ini dengan sebaiknya. Semoga saudara dan saudari berjaya mencapai cita-cita yang diimpikan dan menjadi sebahagian daripada modal insan negara pada masa hadapan yang mampu menyumbang kembali kepada negara.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.



MAJLIS AMANAT KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM BERSAMA WARGA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

2 DISEMBER 2018
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR BAHRU

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah kurnia dan izin-Nya jua saya diberikan kesempatan untuk menyampaikan amanat dan bersua wajah dengan warga Universiti Teknologi Malaysia pada pagi ini. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berbahagia Prof. Datuk ir. Dr. Wahid bin Omar, Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia dan semua yang terlibat dalam menjayakan sesi yang amat bermakna ini dengan tema yang saya fikir amat tepat dan sesuai pada masanya yakni **"Saya Yang Menjalankan Amanah"**.

Frasa "Sayang Menjalankan Amanah" diumumkan penggunaannya secara rasmi pada 20 September yang lalu. Namun, kita tidak mahu frasa ini hanya sekadar indah dilafaz namun gagal dipraktik. Dahulu kita memegang prinsip Saya Yang Menurut Perintah (SYMP) dalam

melaksanakan amanah yang diberi. Prinsip ini membawa maksud ketaatan yang bukan membuta tuli akan tetapi **berlandaskan “keluhuran perlembagaan”** yang ditetapkan di dalam **Perlembagan Persekutuan di bawah kuasa Yang Dipertuan Agong** termasuk semua peraturan yang diarahkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

Menggantikan frasa SYMP kepada SYMA, bukanlah bermaksud frasa SYMP itu tidak relevan dalam konteks perkhidmatan awam. Namun, makna di sebalik frasa tersebut sering disalah tafsir dan hasrat asal di sebalik frasa SYMP itu kurang dihayati. Frasa SYMP hidup dalam frasa SYMA. Frasa SYMA merupakan kesinambungan daripada frasa SYMP yang mana kita perlu sentiasa berjanji untuk rela dan cuba menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dalam batas kuasa yang ditentukan dengan penuh gigih, ikhlas, bersih dan cekap bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Frasa ini membawa fokus menyemai perubahan nilai diri yang akhirnya membawa perubahan pemikiran dan tingkah laku yang diharapkan iaitu:

1. Rela dan berusaha menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dalam batas kuasa yang ditentukan dengan penuh gigih dan ikhlas bagi mencapai objektif yang ditetapkan.
2. Mempunyai sifat luhur dan murni, jujur kepada diri sendiri, rakan dan organisasi.
3. Sifat amanah merupakan nilai asas yang perlu ada pada setiap penjawat awam dalam menjalankan tugasnya agar setiap kerja atau Perkhidmatan yang dihasilkan bermutu tinggi.
4. Menghargai kepercayaan orang lain terhadap diri seseorang dengan melaksanakan tuntutan yang terdapat dalam kepercayaan itu.

Kepercayaan antara rakyat serta pemegang taruh terhadap institusi Kerajaan merupakan elemen utama yang menentukan teguh atau rapuhnya ikatan sesebuah masyarakat di sesebuah Negara. Mengapa kepercayaan ini penting? **“AMANAH adalah menyamai amanat yang diterima seseorang yang kepadanya diberikan KEPERCAYAAN bahawa ia dapat melaksanakannya sebagaimana yang dituntut, tanpa mengabaikannya”**

Perbandingan antara Negara: 2018 *Edelmen Trust Barometer Global* yang menunjukkan hanya 46% responden Negara ini melahirkan tahap kepercayaan kepada institusi Kerajaan. Peratus tahap kepercayaan ini nyata jauh lebih rendah berbanding negara jiran kita Singapura yang mencatatkan tahap kepercayaan 65% dan Indonesia pada tahap kepercayaan 73%. Perbandingan antara Sektor: Tahap kepercayaan rakyat kepada Kerajaan rendah berbanding Badan Bukan Kerajaan, sektor perniagaan dan media.

Persepsi Rasuah: *Corruption Perceptions Index* 2017 menunjukkan Malaysia berada di kedudukan 62 daripada 180 negara setaraf Cuba. Rekod terburuk sejak tahun 2012.

Ekonomi: Korelasi positif antara kepercayaan dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan korelasi negatif antara kepercayaan dan jurang pendapatan (income inequality). Maklumat ini didapati dari sumber: *Government At a Glance 2013 Trust in government, policy effectiveness and the governance agenda OECD Report*.

Kesan daripada ketidakstabilan politik dan ekonomi akan mendorong rakyat cenderung memikirkan kepentingan sendiri dan bukan untuk kemaslahatan Negara (*anarchism*). Beberapa siri krisis kewangan menyaksikan ramai pelabur luar menarik diri yang menyebabkan peluang pekerjaan rakyat kurang secara drastik. Akibatnya, pengangguran yang tinggi menggugat kesejahteraan hidup rakyat. Rakyat mengambil jalan mudah bagi memenuhi keperluan hidup yang mendesak seperti tidak patuh kepada undang-undang atau dasar yang digubal Kerajaan. Kadar jenayah meningkat semasa Negara menghadapi krisis ekonomi pada tahun 1980an dan 1997.

Bagaimana kita perlu **menyuburkan SYMA dalam diri dan organisasi** agar lebih mampan dan jitu? Agar kepercayaan terhadap Kerajaan dapat diraih semula? Di peringkat individu kita perlu menyemai nilai **Bersih, Cekap dan Amanah (BCA)**. Nilai dan Etika Diri BCA. Kempen BCA bermula sejak April 1982 dan diteruskan sehingga sekarang.

- **Bersih** tiada rasuah - tidak memihak kepada mana-mana atau berat sebelah, mementingkan diri, khianat atau dengki.
- **Cekap** berkemahiran dan mampu melaksanakan tugas dengan baik - berani dan cepat buat keputusan, proaktif dan menghasilkan kerja yang berkualiti tinggi.
- **Amanah** boleh dipercayai dalam menjalankan apa-apa tugas yang diamanatkan.

Pelbagai inisiatif dilaksanakan bagi menyuburkan frasa SYMA dan nilai BCA di peringkat individu dan organisasi. Ia selaras dengan hasrat Datuk Seri Dr. Ketua Setiausaha Negara agar kita melihat dan mengkaji semula struktur, tadbir urus, sistem, peraturan dan polisi sedia ada. Antara inisiatif kita ialah melalui rasionalisasi, ekpektasi Kerajaan baharu, dan pengasingan kuasa. Tiada kejelasan peranan dan hubungan kerja (*demarcation*) yang khusus di antara anggota Pentadbiran dan Penjawat Awam. Ia bagi mengawal tata kelakuan penjawat awam kecuali yang dinyatakan dalam perintah dan peraturan (merujuk kepada kes Pengarah Pelajaran, Wp & Ors V. Loot Ting Yee, Federal Court [1981] 1 Lns 186). Ini bagi memastikan Perkhidmatan Awam bersifat *apolitical*. Ia dapat menjelaskan kuasa, pengasingan kuasa, fungsi dan penandaan (*demarcation*) kuasa di antara Anggota Pentadbiran dan Penjawat Awam. Pada masa yang sama, ia akan menambahbaik asas *governan* dan integriti perkhidmatan awam.

Pembaharuan Perkhidmatan Awam (*Public Service Reform*) adalah berobjektifkan bagi memberi menumpuan kepada fokus pembaharuan berdasarkan manifesto Kerajaan baharu (Janji 21, 19, 24). Ia adalah untuk mengurangkan kos, mengurangkan defisit fiskal, meningkatkan pendapatan serta mengawal saiz Perkhidmatan

Awam. Di samping itu juga, ia akan menambah baik struktur, tadbir urus dan sistem dan prosedur Perkhidmatan Awam

Dalam membangunkan prinsip kod etika yang perlu dipatuhi adalah:

- Prinsip Pertama Taat Setia, Patriotisme, Keberkecualian (*Neutrality*) dan Kesaksamaan (*Impartiality*)
- Prinsip Kedua Tadbir urus yang baik
- Prinsip Ketiga Nilai-nilai murni

SYMA adalah signifikan di dalam kehidupan kita. Frasa ini fokus kepada penyuburan nilai yang menjurus kepada perubahan pemikiran dan tingkah laku yang mampan dan jitu namun sebenarnya satu bebanan yang berat untuk kita pikul. Ia tidak boleh dipisahkan dengan nilai Bersih, Cekap dan Amanah dan hendaklah dilaksanakan seiring dengan Perlembagaan Persekutuan, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam, Dasar Penerapan Nilai-Nilai dan Konsep Kepimpinan Melalui Teladan, Rukun Negara serta dasar mahupun pekeliling perkhidmatan yang berkuatkuasa. Kita perlu sentiasa berjanji untuk rela dan cuba menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dalam batas kuasa yang ditentukan dengan penuh gigih, ikhlas, bersih dan cekap bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

Signifikannya amanah ini sehingga Allah SWT memerintahkan dalam Al-Quran agar hambaNya sentiasa memelihara amanah yang diberikan. Amanah juga dilihat sebagai syarat berimannya seseorang dan juga menjadi pengukur kepada kemunafikan seseorang. Di akhirnya, pelaksanaan amanah yang kita pegang ini adalah penentu kepada jatuh dan bangunnya sesebuah negara yang berkait rapat dengan betapa kukuh dan cekap perkhidmatan awamnya. Culus dalam melaksanakan amanah akan mengakibatkan natijah yang merugikan.

Ayuh sama-sama kita berusaha jalankan AMANAH! Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah. Wassalamu'alaikum w.b.t. Terima kasih.



MAJLIS PERASMIAN HR DAY SESI LIBAT URUS BERSAMA PENGURUS SUMBER MANUSIA (HR DAY) DAN PELANCARAN KAUNTER MYPESARA

27 JUN 2019 (KHAMIS)
PEJABAT KERAJAAN PERSEKUTUAN NEGERI MELAKA

SESI LIBAT URUS PENGURUS SUMBER MANUSIA (HR DAY)

Mulai 2017, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) telah melaksanakan beberapa program libat urus bersama Pengurus Sumber Manusia (PSM) bagi membantu Agensi meningkatkan kecekapan tadbir urus sumber manusia di Jabatan masing-masing. Usaha ini adalah selaras dengan hasrat Ketua Setiausaha Negara untuk memantapkan kefahaman PSM ke atas dasar-dasar yang dikeluarkan oleh Kerajaan melalui pekeliling dan surat pekeliling di samping membantu menyelesaikan perkara-perkara berbangkit berkaitan pengurusan sumber manusia di Agensi awam.

Untuk makluman YB, Negeri Melaka merupakan negeri kedua yang sudi menjadi tuan rumah kepada program **Sesi Libat Urus JPA Bersama Pengurus Sumber Manusia (HR Day)** selepas Pejabat SUK Perak yang telah diadakan pada 29 dan 30 April 2019. Sepanjang **tahun 2018**, JPA telah mengadakan sebanyak **17 siri** sesi libat urus di kementerian dan jabatan persekutuan seperti JAKIM, RTM, JKN Selangor, Perhilitan, JKR, RELA, BOMBA, APMM, AADK, Jabatan Veterinar, JPJ dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Jabatan Kesihatan Negeri, Hospital dan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasa (SIAP).

Memandangkan program ini telah mendapat maklumbalas yang amat positif daripada semua Agensi yang terlibat, ianya akan diperluaskan ke Jabatan Kerajaan Persekutuan, Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan. Beberapa sesi libat urus bersama PSM di Agensi-agensi di bawah pentadbiran PSUK telah dirancang di beberapa buah negeri yang lain, antaranya Selangor dan Pahang.

Usaha ini bukan sahaja akan dapat membantu PSM di Jabatan dan Agensi mendapatkan pandangan yang jelas dan tepat ke atas segala isu-isu perkhidmatan yang dihadapi, malahan PSM akan dapat berkongsi ilmu bersama-sama pegawai di agensi masing-masing dalam memastikan pengurusan sumber manusia dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Selain itu, dengan sesi sebegini, JPA akan dapat memahami cabaran-cabaran pelaksanaan dasar-dasar yang telah dikeluarkan dan bersedia untuk menambah baik peraturan sedia ada bagi memperkasakan pengurusan sumber manusia sektor awam.

Bagi memantapkan kapasiti pengurus sumber manusia, JPA mulai tahun ini telah mengadakan beberapa siri bengkel HR Day bagi melatih pegawai-pegawai JPA dan pegawai dari jabatan persekutuan / negeri sebagai HR Champion di jabatan masing-masing. JPA amat berharap dan berbesar hati di atas kesudian pihak SUK MELAKA menjadi SUK kedua pada tahun ini bagi program seumpamanya dan telah memberikan kerjasama yang erat untuk menjayakan sesi ini.

Sesi seperti ini diharap dapat mengeratkan lagi silaturrahim dan kerjasama yang berterusan antara pengurusan sumber manusia di Agensi dan JPA serta urusan-urusan berkaitan sumber manusia dapat dilaksanakan selepas ini dengan lebih baik dan berkesan.

PELANCARAN KAUNTER MYPESARA

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), selaku jabatan yang bertanggungjawab ke atas pesara Kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap kebajikan pesara Kerajaan. Satu **medium hubungan rasmi dua hala, di antara Kerajaan dan pesara Kerajaan**, telah diwujudkan yang dinamakan **Majlis Permuafakatan Pesara (MPP)**.

MPP merupakan:

1. platform perbincangan dan perundingan antara pihak Kerajaan dan pesara Kerajaan dalam mengutarakan isu-isu semasa yang berkaitan dengan kepentingan dan kebajikan pesara; dan
2. sebagai saluran komunikasi Kerajaan untuk menyampaikan segala cadangan dasar dan perubahan baharu yang hendak dilaksanakan dengan mendapatkan pandangan, pendapat dan ulasan melalui wakil persatuan.

Pesara Kerajaan, melalui persatuan pesara yang mereka sertai telah mengemukakan cadangan supaya diwujudkan kaunter perkhidmatan pesara di pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK Negeri) bagi memudahkan mendapat khidmat nasihat dan panduan berhubung dengan hal ehwal persaraan. Cadangan ini dikemukakan mengambilkira:

1. Kesukaran untuk hadir ke JPA/KWAP;
2. Tidak mempunyai telefon pintar untuk akses MyPesara atau Facebook Bahagian Pasca Perkhidmatan (PENCEN); dan
3. Lebih selesa berurusan secara bersemuka.



Cadangan mewujudkan kaunter perkhidmatan pesara (Kaunter MyPesara) telah dibincangkan dalam MPP yang lalu dengan beberapa penambahbaikan. Dengan kerjasama pejabat SUK, cadangan ini telah berjaya direalisasikan di mana khidmat nasihat kepada pesara Kerajaan akan dibantu oleh Pengurusan Sumber Manusia (PSM) di setiap Pejabat SUK Negeri. Bagi meningkatkan tahap khidmat nasihat dan bantuan yang diberikan, satu Program MyPesara Training of Trainers (TOT) telah diadakan kepada semua wakil PSM Pejabat SUK pada Mac 2019.

Kemudahan-kemudahan yang disediakan adalah:

- 1. Cetakan Penyata Pencen;**
- 2. Cetakan Surat kelulusan Faedah Persaraan;**
- 3. Semakan Status Persaraan; dan**
- 4. Terimaan permohonan:**
 - i. Kemaskini maklumat perkahwinan/penceraian;**
 - ii. Kemaskini maklumat anak;**
 - iii. Permohonan Pencen Terbitan bagi Kematian Dalam Persaraan;**
 - iv. Permohonan Bantuan Mengurus Jenazah;**
 - v. Permohonan Pertukaran Akaun Bank;**
 - vi. Permohonan Pelantikan Wakil Skim A; dan**
 - vii. Pelantikan wakil diri untuk pesara/penerima pencen.**

Sungguhpun demikian, kaunter MyPesara ini tiada di negeri-negeri berikut:

1. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (Ibu pejabat JPA terletak di Putrajaya);
2. Selangor (Ibu pejabat Jabatan Perkhidmatan Persaraan, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) terletak di Cyberjaya, Selangor);
3. Sabah (JPA mempunyai cawangan Bahagian Pasca Perkhidmatan di Sabah); dan
4. Sarawak (JPA mempunyai cawangan Bahagian Pasca Perkhidmatan di Sarawak).

Dengan pemberian perkhidmatan terbaru ini oleh JPA dan kerjasama Pejabat-pejabat SUK Negeri, adalah diharapkan perkhidmatan yang diberikan kepada pesara Kerajaan dapat dipertingkatkan.



LAWATAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM KE PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SABAH

23 JULAI 2018
PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SABAH

Bismillahi Rahman Ar-Rahim.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah kurnia dan izin-Nya jua, dapat juga saya kembali menjejak bumi Sabah yang penuh dengan keindahan semulajadi, kaya dengan warisan budaya, dilengkapi dengan penduduknya termasuklah penjawat awam Persekutuan yang berada di hadapan saya ini, yang ramah dan kuat bekerja.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada YBhg. Datuk Nor Rizan dan pegawai Pejabat Persekutuan Sabah atas sesi perjumpaan yang amat bermakna ini.

Kata pujangga *'hidup tidak selalunya indah, tetapi yang indah itu sentiasa hidup dalam kenangan'*. Oleh itu, saya hadir di sini, bukan sahaja kerana tuntutan tugas tetapi kerana kenangan semasa saya

bertugas di sini sentiasa segar dalam ingatan saya. Dan kenangan itulah yang sebenarnya menarik saya ke sini. Bagi yang tidak mengenali saya, suka saya berkongsi pengalaman dengan para hadirin sekalian bahawa saya pernah bertugas sebagai Setiausaha Persekutuan Negeri Sabah bermula 4 Februari 2015 hingga 4 April 2017 sebelum saya dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pada 5 April 2017. Untuk makluman YBhg. Dato' dan hadirin sekalian, walaupun saya dilantik sebagai KSU Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Sabah tidak pernah jauh dari saya kerana di KKLW, saya tetap meninjau dan memantau projek-projek pembangunan luar bandar di Sabah.

Dan kini, tanggal 13 Julai 2018, alhamdulillah, saya telah diberi kepercayaan untuk menerajui Jabatan Perkhidmatan Awam. Saya juga dimaklumkan bahawa salah satu tugas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam ialah sebagai pengerusi bersama Yang Berhormat Datuk Haji Hashim Paijan dalam Mesyuarat Perhubungan Antara JPA dan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sabah. Dalam konteks ini, Pejabat Persekutuan Sabah harus menjadi peneraju perkhidmatan awam di Sabah agar jalinan kerjasama erat yang telah dibina antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri dapat diperkukuhkan bagi memudahkan pelaksanaan projek pembangunan Persekutuan di negeri.

Nampak gayanya, Sabah tidak mungkin akan menjadi kenangan kerana saya dan Sabah akan terus bergandingan bahu dalam menerajui Perkhidmatan Awam ke arah Malaysia Baharu yang lebih baik, insya-Allah.

**MANIFESTO KERAJAAN PAKATAN HARAPAN
BERKAITAN PERKHIDMATAN AWAM DALAM JANJI 21 :
MEMPERKASAKAN PERKHIDMATAN AWAM**

01

Memberi kepercayaan kepada penjawat awam sebagai penggubal dasar berbanding konsultan tempatan dan antarabangsa bagi mengurangkan kos dan perlindungan maklumat sulit Kerajaan;

02

Mengenalpasti penjawat awam yang berbakat dan berpotensi dalam pentadbiran negara dan negeri untuk diberikan latihan sewajarnya bagi membolehkan bakatnya berkembang supaya kenaikan pangkat dapat disegerakan;

03

Kenaikan pangkat penjawat awam berdasarkan prestasi perkhidmatan dan pengalaman supaya ia lebih telus; dan

04

Menggalakkan budaya kreatif dan pemikiran luar kotak.

YAB Perdana Menteri menyarankan kepada penjawat awam agar **mempertingkatkan keupayaan dan pengetahuan** dalam kalangan pentadbir agar dipandang tinggi oleh pelanggan dan masyarakat di samping melaksanakan tugas dengan pandangan yang jauh dan ilmu terkini. Penjawat awam juga diseru agar melaksanakan tugas dengan bersih, berintegriti, efisien dan bekerjasama berlandaskan undang-undang. Manakala **Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC)** diwujudkan bagi menyelaraskan dan memantau semua aktiviti berkaitan tadbir urus, integriti dan rasuah. Ketua Jabatan harus menggalas akauntabiliti untuk menghapuskan rasuah dalam Kementerian/Jabatan masing-masing dan terdapat cadangan untuk memasukkan peruntukan mengenai kesalahan salah laku penjawat awam jenayah dalam **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009** serta menggunakan **teknologi yang tinggi dalam urusan kerja** supaya kerja lebih teratur dan cekap.

Melalui semakan semula Rancangan Malaysia ke-11, beberapa usul telah dikemukakan untuk diambil tindakan iaitu:

1. Membangunkan kapasiti dan keupayaan penjawat awam melalui semakan semula polisi latihan dan pembangunan Polisi Latihan Sumber Manusia serta kerangka kepimpinan Perkhidmatan Awam yang baharu dengan memperkukuhkan institusi penyelidikan dan latihan seperti INTAN;
2. Menyediakan **penilaian prestasi** berdasarkan fungsi Kementerian dan Jabatan;
3. Meningkatkan **pembangunan kerjaya** melalui sistem **pengesanan bakat** yang lebih telus berdasarkan merit; dan
4. Menambahbaik kebajikan para pekerja dengan memperkenalkan pengaturan cara **kerja fleksibel** yang dapat mengimbangi kerja dan kehidupan penjawat awam.

Falsafah **Pembaharuan Sektor Awam** (*Public Service Reform*) terbina daripada perkara iaitu organisasi berkeupayaan tinggi, modal insan holistik, penyampaian perkhidmatan proaktif dan budaya prestasi tinggi dan produktif.

Falsafah ini bakal menghalatujukan Perkhidmatan Awam ke arah Perkhidmatan Awam yang **berprestasi tinggi, berintegriti, dinamik dan berjiwa rakyat**.

Buku harapan berkaitan **penjawat awam di Sabah** akan menjadikan Sabah sebagai **model masyarakat harmoni** dari segi interaksi yang lebih baik antara semua pihak seperti masyarakat umum, mahasiswa dan penjawat awam. Ini termasuk membaiki kualiti pendidikan dan khidmat kesihatan melalui penyediaan penjawat awam yang terlatih seperti guru dan pegawai kesihatan. Pada masa yang sama nasib penduduk luar bandar dan kawasan pedalaman akan terbela dengan penyediaan penjawat awam yang mampu menguruskan pendaftaran anak dan jurutera yang mampu mempelopori inisiatif penjanaan elektrik menggunakan tenaga matahari, mikro-hidro dan biogas.

Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya berbesar hati ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang hadir. Agar dengan pertemuan kita ini, bukanlah merupakan pertemuan yang pertama dan terakhir malah bakal membuahkan hubungan yang baik antara Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Kerajaan negeri Sabah bagi memastikan penyampaian perkhidmatan negara ini terus cemerlang.

Dibacakan serangkap pantun sebagai tanda ingatan.

*Puncak Kinabalu lambang sejati,
Negeri nan indah di bawah bayu;
Teguh integriti, tingkatkan produktiviti,
Bersatu menjulang harapan baharu.*

Saya akhiri ucapan saya dengan kalimah wabillahi taufik walhidayah wassalamuaalaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.



PERHIMPUNAN BULANAN JPA "SETULUS BUDI, MEMBINA PERTIWI"

1 JULAI 2019

AUDITORIUM JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataala yang memberikan kita peluang dan hidayah, serta kesempatan kepada kita, berkumpul dalam Perhimpunan Bulanan JPA anjuran Bahagian Pembangunan Modal Insan dan meraikan sambutan Hari Raya Aidil Fitri pada hari ini.

Saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Bahagian Pembangunan Modal Insan yang telah menganjurkan majlis ini. Begitu juga syabas dan tahniah kepada kelab JPA yang telah mengambil inisiatif untuk mengadakan sambutan hari raya tahun Hijrah 1440 bagi meraikan warga JPA keseluruhannya. Kedua-dua majlis ini diadakan bertujuan untuk kita saling ingat-mengingati dan mengeratkan silaturrahim di kalangan warga JPA yang berjumlah hampir 2,000 orang. Saya kira masih belum terlambat untuk saya **mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri** kepada semua warga JPA memandangkan hari ini kita masih berada di bulan raya iaitu 27 Syawal 1440 Hijrah.

Pentadbiran Awam sebenar telah bermula sejak zaman Kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. Sistem pentadbiran yang tersusun berdasarkan Hukum Kanun Melaka (*Malacca Code*) dan Undang-Undang Laut Melaka telah diperkenalkan oleh Kesultanan Melaka. Kegemilangan Kerajaan Melayu Melaka menyebabkan rantau Asia Tenggara yang menjadi nadi kepada hubungan antara Benua Eropah dengan Asia Timur dicemburui. Pengantarabangsaan (*Internationalization*), Pertukaran Silang Budaya (*Cross Cultural*), Pengurusan Pelabuhan yang sistematik (*Entreport Management*) telah menjadikan Melaka terkenal sebagai Pusat Kebudayaan (*Cultural Centre*), Pusat Perdagangan (*Trade Centre*), dan Pusat Pentadbiran di serantau.

Sejarah telah membuktikan bahawa kegemilangan, kecemerlangan dan kekuatan sebuah negara bangsa akan terpahat dalam lipatan sejarah, apabila perebutan kuasa, kepentingan diri sendiri, sifat rakus dan tamak menjadi keutamaan dalam hidup. Lantaran itu berlaku kerosakan akal budi, ketidaktentuan pegangan hidup, serta pengabaian nilai-nilai moral dalam masyarakat. Akibat dari keruntuhan budi pekerti ini, telah terbukti dalam sejarah apabila Kerajaan Melayu Melaka dijajah oleh Portugis, di mana pada tahun 1511 walaupun jarak antara keduanya lebih kurang 3,000 km jauhnya. Sejarah kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka menampakkan sejarah berulang kembali di mana Kerajaan Umaiyyah yang telah ditadbir selama 500 tahun di Sepanyol tumbang di tangan orang Eropah, begitu juga Kerajaan Qing yang telah menjadi pemimpin wilayah China jatuh ketangan kesatuan Eropah. Negara-negara ini pada satu ketika dahulu amat terkenal dengan sistem bernegara telah dipecahkecilkan oleh negara-negara penjajah. Warga negara yang dahulunya menikmati kebebasan bernegara terpaksa meminta simpati dan belasahsan dari penjajah untuk menguruskan kehidupan dan pentadbiran mereka. Ideologi-ideologi baharu diperkenalkan, sistem bermasyarakat dan nilai-nilai budaya tempatan terhakis yang membawa kepada kehilangan identiti bangsa dan jati diri.

Alhamdulillah berkat kesabaran dan kebijaksanaan kepimpinan dahulu, pentadbiran awam negara dikembalikan kepada anak tempatan setelah 508 tahun dijajah, pada tahun 1957 apabila British memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu. Mengambil contoh Tan Sri Abdul Aziz Haji Majid, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri (Ketua Setiausaha Negara) yang pertama (1957), Tan Sri Ahmad Haji Husin, anak watan pertama dilantik sebagai *Malayan Establishment Officer* (1959), adalah antara pelopor utama dalam pentadbiran pasca-merdeka. Apa yang kita nikmati hari ini adalah merupakan usaha-usaha yang tidak mengenal jemu pegawai-pegawai dahulu. Hari ini kita boleh berasa bangga, memetik buah kejayaan, **nikmati kesejahteraan yang disemai dan dibaja dengan begitu sempurna oleh para pegawai dahulu**. Tetapi kita jangan mudah terlupa warga bangsa yang alpa dan terleka dengan lagu-lagu nikmat, mendapat kesenangan cara mudah, tidak sanggup bekerja keras dan bersungguh-sungguh, pastinya buah nikmat dan kesejahteraan tidak dapat kita kecap lagi apatah lagi sebagai **bekalan generasi yang akan datang**.

Proses "*Malayanisation*" iaitu "meMalayakan" perkhidmatan awam untuk diterajui oleh warga negara Malaysia berterusan hingga ke hari ini. Pembangunan luar bandar dan wilayah yang mempamerkan perkhidmatan awam bertindak sebagai peneraju, pemangkin dan *pace-maker* telah disuburkan dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB) sejak 1970an. Pembangunan perindustrian membolehkan Malaysia menjadi negara pengeluar utama produk-produk berasaskan barangan elektrik dan elektronik di rantau Asean. Kemahiran dan keupayaan sumber manusia dalam perkhidmatan awam untuk menjadi fasilitator dan penggerak kepada perbincangan pelbagai hala diperingkat antarabangsa menjadi satu keperluan. **Era ledakan teknologi dan globalisasi** menjadikan perkhidmatan awam semakin terdedah dengan keperluan untuk bertindak sebagai **pemudahcara** dan **pemikir** untuk membolehkan Malaysia dinobatkan sebagai sebuah **negara maju** yang **berteknologi tinggi**. Ini semua me-

merlukan pengorbanan yang sangat besar di kalangan perkhidmatan awam termasuklah keperluan untuk menuntut kemahiran, pengetahuan baharu yang berasaskan kepada keperluan semasa negara, serta meningkatkan kebolehan dalam mengolah perbincangan dengan negara luar supaya kepentingan negara Malaysia dapat diberikan keutamaan dalam setiap perancangan.

Sejarah lampau bukan hanya untuk ditelaah tetapi ia harus dihayati. Kehancuran pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka, Kerajaan Ummaiyah dan Kerajaan Qing perlu dijadikan iktibar dan sempadan supaya sejarah tidak berulang kembali. Justeru, **Setulus Budi Membina Pertiwi** telah diangkat menjadi tema dalam Perhimpunan Bulanan JPA kali ini. Dalam konteks Perkhidmatan Awam, tema ini boleh digarapkan peri pentingnya seseorang penjawat awam itu memiliki pekerti, kebijaksanaan serta ikhlas melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dalam mendepani cabaran global serta memperteguh peradaban bangsa bagi mendokong agenda negara.

Pemimpin-pemimpin seperti Sultan Muhammad Al-Fatih, Alexander the Great, Winston Churchill, Mahatma Gandhi, Marthin Kurther King Jr dan ramai lagi pemimpin yang terkenal di dunia, telah memberikan kesan besar kepada peradaban dunia. Cetusan idea, inovasi dan kreativiti memperkenalkan dasar-dasar baru, melakukan sesuatu di luar kebiasaan telah menjadikan mereka idola sepanjang zaman dan dipahatkan dalam diari sejarah negarawan unggul dunia. Perkhidmatan Awam di Malaysia yang didominasi orang-orang Melayu Islam, ditunjangi oleh akar agama dan nilai budaya yang bersifat syumul. Sehubungan itu, Perkhidmatan Awam di Malaysia seharusnya, mempraktikkan gaya kepimpinan, perlakuan, disiplin serta nilai berasaskan akhlak yang sebenarnya telah digariskan dalam kehidupan seharian masyarakat Melayu Islam Malaysia.

Pegawai-pegawai awam, yang telah diasuh dengan didikan agama dan nilai-nilai murni menjak kelahiran mereka, namun masih tidak dapat lari daripada nilai-nilai tersebut yang telah sebat di dalam darah daging mereka semasa menjalankan tugas mentadbir negara.

Tanggungjawab yang dipikul bukan sekadar melazimi tugas jawatan yang disandang tetapi jauh daripada itu mereka menghayati dan mengaplikasikan erti tanggungjawab berlandaskan ajaran yang sudah sebatu dalam diri mereka. Inilah prinsip-prinsip yang menjadi pegangan pegawai-pegawai awam terdahulu yang memungkinkan pencapaian negara berkembang sebagaimana yang kita nikmati pada hari ini.

Kepimpinan pegawai pentadbir pada waktu itu bukan sahaja berasaskan iltizam membina negara bangsa dengan falsafah kepimpinan Barat dan Islam, bahkan disirami dan dibajai dengan semangat jitu untuk mencapai kebebasan sebenar daripada belunggu penjajah. Seperti yang dinukilkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak pada tahun 1975, yang menyebut:

“Kebebasan bermakna bertanggungjawab. Bertanggungjawab berusaha dan bertenaga dan berdiri diatas kaki sendiri sebagai manusia yang bebas dan merdeka. Kita tidak layak mengaku diri sebagai warga negara merdeka, jikalau tidak sedar akan tanggungjawab merdeka iaitu tanggungjawab sanggup maju dan sedia berjuang dan berusaha meninggikan taraf hidup”

Oleh itu, dapat dilihat pemimpin dan pentadbir sejak daripada zaman dahulu sentiasa diperingatkan terhadap aspirasi pembebasan dan pembangunan negara. Lebih penting lagi, nilai etika serta nilai agama itu sentiasa menjadi landasan penting buat mereka, dalam membuat keputusan penting bagi rakyat dan negara. Pemimpin yang berlandaskan penghayatan agama dan akidah akan membawa bersama pelajaran dan pengajaran yang

diwarisi daripada penjajah yang telah maju, dari segi pemikiran, infrastruktur dan kekuatan teknologi yang mereka miliki. Keazaman untuk terus memerdekakan rakyat dari belenggu penjajahan minda, ideologi dan kebebasan adalah merupakan manifestasi perjuangan mereka sebagai membalas budi yang disemadikan dalam diri setiap warga bangsa, mencerna kebangkitan pertiwi dalam perjalanan yang masih jauh dihadapan.

Tanggal 18 Disember 1987, kertas kerja mengenai "Peranan Perkhidmatan Awam di Abad ke-21" telah pun dibentangkan di dalam Seminar Perkhidmatan Awam Abad ke-21 yang membincangkan tentang senario persekitaran Perkhidmatan Awam di masa hadapan. Pada ketika itu, abad ke-21 digambarkan adalah tidak menentu, kompleks dan penuh dengan cabaran. Antara andaian senario yang dibincangkan termasuk ketidakpastian ekonomi yang mana prestasi ekonomi dunia dipengaruhi oleh elemen-elemen tertentu di dunia terutama negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, China, Jepun dan Jerman, penduduk Malaysia akan lebih sophisticated dan ekspektasi semakin meningkat serta teknologi yang lebih canggih dan mahal perlu diperolehi supaya tidak ketinggalan dan sebagainya.

Pada tahun **1996, John Naisbitt** dalam nukilannya **Megatrend Asia** meramalkan **Rantau Asia** bakal **mendominasi ekonomi, politik** serta **budaya** seterusnya berlakunya **modernisasi menerusi perubahan lapan trend utama** seperti berikut:

- daripada **Nation States ke Network** - kuasa seperti Jepun beralih kepada penyatuan dan jalinan keturunan China seberang laut yang akhirnya mendominasi Rantau Asia;
- daripada **Export-Led kepada Consumer Driven** - menjelang tahun 2000 Asia akan mempunyai hampir setengah bilion penduduk di bawah kategori kelas pertengahan dan akan berlakunya peningkatan permintaan perbelanjaan di rantau ini;
- daripada **Pengaruh Barat kepada Cara Asia** - pembangunan

pesat di Rantau Asia (khususnya ekonomi) Barat diramalkan akan ketinggalan kerana beban welfare state yang diamalkan;

- daripada **Government Driven kepada Market Driven** - arah haluan ekonomi yang dikawal oleh Kerajaan Pusat berubah kepada ekonomi pasaran, penggalakan pertumbuhan ekonomi dan perebutan peluang;
- daripada **Kampung kepada Supercities** - penghijrahan dari luar bandar ke kawasan bandar akhirnya mengubah Asia daripada masyarakat pertanian kepada dominasi telekomunikasi dan teknologi maklumat;
- daripada **Labour Intensive kepada Teknologi Tinggi** - teknologi dan automasi mengurangkan penggunaan tenaga buruh;
- daripada **Dominasi Lelaki kepada Pembabitan Wanita** - penyertaan wanita semakin meningkat dalam pelbagai aspek kehidupan seperti pengundi, pengguna dan tenaga kerja;
- dari **Barat ke Timur** - akan berlaku Asianization kepada dunia yang mana pengaruh barat beralih kepada timur (contoh: Look East Policy)

Konotasi cabaran abad ke-21 yang diramalkan pada suatu ketika dahulu satu persatu cabaran tersebut diharungi Malaysia dengan pelbagai perancangan dan pelaksanaan dasar, strategi dan inisiatif Kerajaan. Namun ianya tidak terhenti di sini, Malaysia kini berhadapan dengan pelbagai bentuk cabaran baharu yang akan memberi impak serta kesan kepada individu, organisasi dan negara dalam pelbagai aspek kehidupan. Cabaran yang dimaksudkan ini menjurus kepada perkembangan pesat Revolusi Industri 4.0 - penggunaan *Internet of Things (IoT)*, *Artificial Intelligence (AI)*, *Emerging Technologies* dan sebagainya yang menggabungkan pelbagai teknologi maklumat dan komunikasi di dalam kehidupan seharian. Selain itu, cabaran future of works yang melibatkan *job creation and job destruction* atau komposisi pasaran kerja di masa hadapan. Dijangkakan 65%

anak-anak bangsa yang baru memasuki alam persekolahan akan menceburi bidang pekerjaan yang masih belum wujud pada masa yang akan datang. Sebanyak 54% pekerjaan di Malaysia akan diautomasikan dengan penggunaan teknologi bermutu tinggi menjelang tahun 2030.

Dalam kita mendepani cabaran globalisasi dan kemajuan pesat teknologi maklumat, Perkhidmatan Awam juga turut terkesan akan bahang implikasi khususnya apabila wujud peningkatan tahap ekspektasi pelanggan terhadap kualiti penyampaian perkhidmatan awam seterusnya memaksa kita di JPA untuk pertingkatkan daya saing terutama perkara berkaitan Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia dalam Perkhidmatan Awam. Cabaran- cabaran ini sudah semestinya amat memerlukan setiap anggota perkhidmatan awam mempunyai pengetahuan, tahap kemahiran dan komitmen yang tinggi serta dapat membudayakan kerja berprestasi cemerlang.

Bak kata pendita **Za'ba** di dalam bukunya Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri (1982) ***"Sesuatu negeri dan bangsa menjadi naik atau turun, menjadi maju atau ketinggalan, ialah semua itu terikat sebabnya kepada sifat-sifat keadaan diri tiap-tiap seorang tunggalnya yang menjadikan bangsa itu atau yang menduduki negeri itu."***

JPA merupakan agensi pusat yang sinonim dengan pembangunan modal insan negara. Kecemerlangan organisasi ini, tidak hanya bergantung kepada prinsip dan peraturan semata-mata. Ia perlu disandarkan kepada kepimpinan berwawasan dan pentadbiran yang cekap serta perancangan yang teliti. Setelah hampir 62 tahun kewujudan JPA, reputasi sebagai sebuah organisasi yang menguruskan sumber manusia sektor awam di Malaysia tidak dapat dinafikan. Keberadaan JPA sebagai perancang, *reference center* serta penyelesaian masalah dalam urusan berkaitan pengurusan dan pembangunan sumber manusia akan terus ditagih. Kita terus diuji dengan kehendak-kehendak yang lahir dari pemikiran yang dinamik, kefahaman bersifat realiti, persekitaran perubahan paradigma, yang memerlukan pegawai-pegawai awam di JPA lebih kreatif,

inovatif dan perubahan mindset supaya lebih bersifat terbuka untuk mengatasi isu-isu yang diutarakan.

Untuk mendepani cabaran-cabaran masakini, JPA perlu membangunkan dan menguruskan sumber manusia yang berkemahiran tinggi sebagai usaha berterusan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam dengan lebih berkesan. Malah di dalam era teknologi *5G*, *IoT*, *Artificial Intelligent (AI)*, *Digital Economy*, membawa JPA kepada masyarakat. Persaingan di pasaran, kerancakan penggunaan teknologi dalam kehidupan, keterbukaan platform yang menghubungkan jarak dari satu benua ke satu benua dalam tempoh beberapa saat sahaja, menjadikan keperluan pengurusan sumber manusia semakin dinamik.

Sebagaimana yang **disarankan oleh YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad** supaya kita menjadi manusia yang **lebih berilmu, berpengetahuan, lebih berkemahiran dan berwibawa.**



Dalam era kemajuan teknologi pada hari ini, kita melihat bijak pandai datangnya daripada pelbagai peringkat usia dalam perkhidmatan awam. **Kepelbagaian potensi** yang ada pada setiap individu ini perlu dikenalpasti dan digilap supaya dapat **menghasilkan** sesuatu yang **hebat**. Untuk itu, kita mengharapkan, di dalam memberi bekal **janganlah** sampai **terlupa adat**, dalam kita berbudi jangan sampai **lupakan diri**, dalam kita **berusaha menjadi kuat, janganlah kita memuji diri**.

Kemakmuran Bersama - Malaysia sesebuah negara “yang terus menerus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil dan inklusif (equitable growth) di setiap peringkat rantai nilai, kelas, kaum dan geografi” sehingga mewujudkan rasa keharmonian dan kestabilan di kalangan rakyat menjelang tahun 2030. Ia menjadi harapan segenap lapisan rakyat Malaysia.

Wahai warga JPA sekalian, marilah kita berganding bahu, bulatkan tekad dan azam berusaha merealisasikan hasrat serta harapan tunggal rakyat Malaysia. Namun jangan dilupa **Setulus Budi Membina Pertiwi** harus disemat di dalam jiwa warga JPA sekalian supaya **Perkhidmatan Awam Negara akan terus menjadi pasak yang membina, tunjang yang mengukuh pentadbiran negara**.

Akhir kalam, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Bahagian Pembangunan Modal Insan di atas penganjuran perhimpunan pada kali ini. Semoga di lain kesempatan kita bertemu lagi. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh.

PROGRAM PENGURUSAN PERUBAHAN DIGITAL GOVERNMENT COMPETENCY AND CAPABILITY READINESS (DGCCR) ZON SABAH

17 MEI 2019 (JUMAAT)
AUDITORIUM, KOMPLEKS PENTADBIRAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN NEGERI SABAH

Alhamdulillah, terlebih dahulu izinkan saya memanjat rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya, kita dapat berkumpul pada hari ini untuk menyempurnakan Majlis Penutup Program Pengurusan Perubahan, *Digital Government Competency and Capability Readiness Zon Sabah*.

Sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada pihak Pentadbiran Kerajaan Negeri Sabah khususnya Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Hashim bin Paijan, Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah dan juga Yang Berbahagia Tuan Nor Azri bin Zulfakar, Setiausaha Persekutuan Sabah kerana sudi menjalankan kerjasama strategik bersama pihak JPA bagi menjayakan Program



Pengurusan Perubahan ***Digital Government Competency And Capability Readiness (DGCCR)*** Zon Sabah pada kali ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakam ucapan terima kasih kepada semua peserta di atas komitmen yang diberikan sepanjang satu hari setengah program ini berlangsung.

Semasa Perhimpunan Bulanan bagi Bulan April 2019, YAB Perdana Menteri telah mengingatkan semua pegawai awam supaya terus berusaha dengan lebih baik dan bukan hanya untuk mencapai kepuasan diri sendiri tetapi juga untuk kaum keluarga, bangsa dan Negara.

Bagi memacu dan menerajui pembangunan sumber manusia sektor awam, kita mesti sentiasa berpandangan jauh ke hadapan untuk memastikan pegawai awam terus kekal relevan bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Kita sekarang sedang berhadapan dengan tsunami digital. Teknologi seperti *IoT, Cloud, AI, Big Data, Block Chain, RPA, Virtual and Augmented Realities* kini telah menguasai persekitaran kita dan boleh mengubah cara kita menjalani kehidupan seharian dan juga cara kita bekerja.

Lanskap perkhidmatan awam juga telah banyak berubah. Teknologi telah mengubah cara kita bekerja dan menjadikan kita lebih efektif dan efisien ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat. Bagi memastikan pegawai awam sentiasa bersedia dengan ledakan teknologi baharu ini, semua pegawai awam di semua peringkat dan merentasi semua skim perlu diberi pendedahan dan dilengkapi dengan keupayaan dan kemahiran digital.

“The biggest part of digital transformation is changing the way we think, the way we look at our processes, the way we look at our people and our services to the Rakyat”

Digital Government Competency and Capability Readiness atau lebih dikenali sebagai DGCCR telah dirangka sebagai satu **inisiatif Kerajaan** untuk **membangunkan kompetensi dan keupayaan digital penjawat awam** pada setiap peringkat dan peranan dalam usaha memberi **penyampaian perkhidmatan digital yang terbaik** kepada rakyat.

Rangka DGCCR memberi penekanan kepada pementapan keupayaan individu dan organisasi. Terdapat sebanyak **8 Individual Capabilities** dan **17 Organizational Capabilities** yang perlu diterapkan di dalam diri setiap pegawai awam. Pegawai awam yang berpengetahuan dan sentiasa peka terhadap perkembangan semasa akan berupaya membawa perubahan secara efektif dan menyumbang ke arah kecemerlangan sesebuah organisasi. Ini seterusnya akan memberikan impak yang tinggi terhadap kualiti

perkhidmatan dan bertepatan dengan keperluan rakyat.

Itulah hasrat yang cuba kita sampaikan melalui **pelaksanaan DGCCR; mewujudkan perkhidmatan awam yang *future proof* bagi menghadapi keperluan *Future of Works*.**

Perancangan pelaksanaan DGCCR ini tidak hanya diutamakan di peringkat Persekutuan, tetapi juga di seluruh negeri di Malaysia. Ini kerana kita sedar, semua pegawai awam perlu berupaya untuk mengadaptasikan diri dalam lanskap perkhidmatan awam yang berlandaskan alam digital untuk terus kekal relevan.

Negeri Sabah sesungguhnya sangat bertuah kerana merupakan negeri yang pertama yang kita kunjungi untuk pelaksanaan Program Pengurusan Perubahan DGCCR ini. Kita juga telah merancang beberapa sesi jerayawara ke seluruh Negara bagi memastikan DGCCR ini disebarluaskan ke seluruh Perkhidmatan Awam.

Sekali lagi, saya ingin mengucapkan syabas dan setinggi tahniah kepada semua terutamanya rakan strategik kita iaitu Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, Setiausaha Persekutuan Sabah dan Jawatankuasa Penganjuran Program Pengurusan Perubahan DGCCR Zon Sabah di atas dedikasi dan kerjasama yang telah diberi bagi memastikan kejayaan perjalanan program ini.

Besarliah harapan saya agar semua warga Perkhidmatan Awam, terutamanya di Negeri Sabah dapat memanfaatkan segala input dan pengetahuan yang telah dikongsikan sepanjang program ini berlangsung yang seterusnya dapat menyumbang ke arah kecemerlangan Malaysia sebagai sebuah Negara Maju pada tahun 2025.

Akhir kata, dengan lafaz Bismilahirahmanirahim, saya menutup Program Pengurusan Perubahan DGCCR - Zon Sabah ini. Sekian, Wabillahi Taufik Wal-hidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

MENAKHODA PENDIGITALAN UNTUK MEMPERKASA PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN SEMPERNA MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN JPA ANJURAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MAKLUMAT STRATEGIK

7 OGOS 2019 (RABU)
AUDITORIUM JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana atas keizinan dan rahmatNya, dapat kita bersama-sama pada pagi ini bersempena dengan Perhimpunan Bulanan JPA bagi Bulan Ogos 2019. Pertamanya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Maklumat Strategik, di atas penganjuran majlis perhimpunan bulanan pada hari ini.

Tema Majlis Perhimpunan Bulanan JPA kita pada kali ini ialah Menakhoda Pendigitalan Untuk Memperkasa Penyampaian Perkhidmatan. Pendigitalan adalah proses mengubah maklumat ke dalam bentuk digital dan mengintegrasikan teknologi digital dalam

kehidupan seharian. Menurut Gartner, penggunaan teknologi digital ini akan mengubah model bisnes, menyediakan pendapatan baharu dan peluang penghasilan nilai (*value-producing opportunity*).

Hasil tinjauan Kementerian Komunikasi Multimedia Malaysia (KKMM) mendapati rakyat Malaysia merupakan antara masyarakat dunia yang paling tinggi berhubung secara digital dengan kira-kira 87% mempunyai akses internet dan sebahagian besarnya menggunakan rangkaian mudah alih. Ini jelas menunjukkan bahawa aktiviti atas talian merupakan satu budaya hidup bagi rakyat Malaysia kini.

Trend perkhidmatan digital pada masa kini adalah terdiri daripada Perkhidmatan Dalam Talian dan Aplikasi Mudah Alih. Gaya hidup digital, masyarakat berurusan tanpa tunai, perniagaan berasaskan aplikasi, negara 'pintar' dan perkhidmatan alam maya merupakan antara budaya digital yang semakin berkembang. Justeru itu, konsep penyampaian perkhidmatan awam perlu segera berubah bagi menghadapi cabaran yang semakin kompleks, dalam usaha memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat.

Penyampaian perkhidmatan perlu ditambah baik secara komprehensif dengan mengambil kira cabaran dan perubahan semasa, sama ada di peringkat global atau domestik seperti gelombang teknologi digital, ekspektasi rakyat dan dominasi golongan milenial. Impak pendigitalan ini menuntut JPA bersedia menawarkan penjawat awam yang berfikiran, berkeupayaan dan berkemahiran digital untuk menyahut cabaran revolusi digital ini. Penjawat awam perlu berfikir secara kreatif dan inovatif bagi menambah baik proses kerja sedia ada dalam memberi penyampaian perkhidmatan yang efisien serta efektif, pada masa yang sama perlu sentiasa mendukung prinsip integriti dan ketelusan dalam setiap perkara kerja.

Kita sekarang sedang menghadapi Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0) melibatkan teknologi automasi seperti kecerdasan buatan (AI), automasi robotik, pengkomputeran awan, Internet Pelbagai Benda (*Internet of Things*), analitik data raya dan realiti maya. Teknologi-teknologi ini akan membawa perubahan ketara

dan memberikan kesan besar terhadap norma kerja dan kehidupan kita. Seiring dengan perkembangan teknologi pendigitalan dunia, kerajaan kita telah mengorak langkah memperkenalkan hala tuju pendigitalan negara. Usaha-usaha kerajaan dalam merealisasikan pendigitalan di Malaysia adalah berteraskan polisi-polisi kerajaan yang telah dibangunkan seperti Rangka Kerja Analitik Data Raya Negara, Rangka Kerja Kecerdasan Buatan Negara, Pelan Pendigitalan Perkhidmatan Kerajaan, *Malaysian Government Enterprise Architecture*, Hala Tuju Industri 4.0 Negara, Hala Tuju Internet Pelbagai Benda (IOT) Negara, Hala Tuju eCommerce dan Zon Perdagangan Bebas Digital.

Selain itu, kerajaan juga sedang berusaha melaksanakan pengukuhan infrastruktur melalui Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) serta pengagihan spektrum jalur lebar yang lebih berkesan. Ini akan memastikan setiap organisasi kerajaan, perniagaan dan paling penting rakyat, boleh memanfaatkan nilai sebenar pendigitalan secara pantas, berkesan dan selamat. Malaysia kini berada antara negara pertama di Asia dan dunia yang melancarkan infrastruktur kesalinghubungan generasi akan datang 5G dan dijangka dapat memanfaatkan sepenuhnya teknologi 5G dalam tempoh tiga tahun lagi.

Kerajaan dalam usaha memperkenalkan hala tuju baharu ekonomi negara yang akan memastikan rakyat dapat menikmati kemakmuran bersama. Kemakmuran Bersama adalah usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus menerus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil dan inklusif di setiap peringkat rantaian nilai, kelas, kaum dan geografi sehingga mewujudkan rasa keharmonian dan kestabilan di kalangan rakyat menjelang tahun 2030.

Kerajaan komited untuk melaksanakan ekonomi digital dengan meletakkan Penstrukturan dan Penambahbaikan Ekosistem Perniagaan dan Industri Negara sebagai teras utama dalam hala tuju ekonomi negara supaya kekal relevan dan memenuhi

kehendak ekonomi masa depan. Menurut YB Menteri Kewangan Malaysia, Ekonomi digital Malaysia secara purata telah meningkat 9% setahun dalam terma tambah nilai (*value-added terms*) antara tahun 2010 hingga 2016. Ini lebih pantas daripada pertumbuhan KDNK keseluruhan Malaysia. Di samping itu, Perbadanan Data Antarabangsa (IDC) meramalkan bahawa menjelang 2022, ekonomi digital akan menyumbang kepada lebih 21% daripada KDNK Malaysia berbanding paras semasa sebanyak 18%.

Oleh itu, sektor awam mempunyai peranan yang besar sebagai peneraju dengan lebih celik digital untuk menyokong inisiatif-inisiatif ke arah pencapaian ekonomi digital yang diharapkan. Sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan juga perlu diperkemas bagi menepati ciri 'keseluruhan kerajaan' yang bersepadu dengan menawarkan pelbagai platform perkhidmatan digital bagi menyokong operasi perniagaan, sekali gus mengurangkan tempoh transaksi dan kos.

Cabaran digitalisasi ini memerlukan pengorbanan warga perkhidmatan awam dalam peningkatan keupayaan dan kemahiran untuk melahirkan tenaga kerja yang kompetitif, produktif dan relevan dengan keperluan masa hadapan. Bagi menghadapi cabaran ini, penjawat awam mestilah mahu berubah dan mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan digital melalui program upskilling and reskilling untuk menjadi tenaga kerja digital (*digital workforce*).

Justeru itu, warga JPA perlulah lebih bersedia dengan cabaran revolusi digital ini yang bakal mengubah cara penyampaian perkhidmatan kerajaan untuk memberikan perkhidmatan terbaik untuk rakyat. Merujuk petikan kata-kata Brian Tracy, seorang pakar motivasi dan penulis buku-buku pembangunan sendiri, "*The most dangerous course of action is standing still in time of rapid change*".

Lanskap penyampaian perkhidmatan semasa seperti perkhidmatan kaunter dan pendidikan yang memerlukan interaksi bersemuka secara fizikal mungkin tidak lagi relevan. Perkhidmatan kaunter boleh diganti dengan aplikasi atas talian atau robotik. Manakala di

bidang pendidikan, bilik darjah akan berkonsepkan pembelajaran digital atau pembelajaran secara maya dengan menggunakan teknologi *Virtual Reality (VR)*. Lanskap industri dan jenis pekerjaan juga sudah mula berubah apabila senario pekerjaan masa depan akan lebih tertumpu kepada jenis pekerjaan baru umpamanya pembangun aplikasi pintar, jurutera program mudah alih dan pakar teknologi.

JPA perlu membangunkan dan melengkapkan modal insan sektor awam dalam bidang sains, teknologi dan rekabentuk bagi memastikan pembangunan bakat yang memenuhi keperluan industri masa hadapan. Ini kerana, pasaran kerja pada masa hadapan akan dipenuhi dengan tenaga kerja berkemahiran tinggi, kreatif dan mempunyai pemikiran yang kritis dengan perubahan skop kerja yang signifikan.

Tanggal 31 Ogos tahun ini (2019), maka genaplah 62 tahun kita mencapai kemerdekaan negara. Menghargai kemerdekaan bermakna mensyukuri nikmat kebebasan dari belenggu penjajahan dengan membolehkan anak bangsa sendiri mengurus dan membangunkan tanah airnya mengikut acuan, citarasa serta menepati keperluan sebenar warganya. Mengimbas kembali 62 tahun yang lalu, Sektor Awam telah mencapai tahap kemajuan yang membanggakan ke arah pemerksaan penyampaian perkhidmatan kerajaan. ICT telah memainkan peranan yang besar sejak mula diperkenalkan pada tahun 1960-an sebagai Era Pemprosesan Data, dan berkembang dengan Era Pengkomputeran pada tahun 1970-1980an. Era Koridor Raya Multimedia (MSC) pula dimulakan pada 1990-an dan seterusnya Era Transformasi Digital pada tahun 2000.

Hari ini, kita menempuhi cabaran yang lebih dalam bentuk digital, penjajahan minda, kekangan ekonomi dan persepsi. Malah, ledakan maklumat yang bergerak se pantas kerlipan mata, memungkinkan kita terjajah oleh kepalsuan berita. Ketirisan ilmu untuk kita menilai buruk baik dan padah sesuatu, memungkinkan kita dijajah semula dalam bentuk tindakan dan pemikiran.

Sebagai penjawat awam, amalan *tabayyun* di media sosial menjadi aspek penting dalam memperoleh dan menyebarkan sebarang maklumat. Amalan menyelidik dan mengkaji setiap maklumat yang diterima dengan memastikan sumbernya sah, membolehkan kita mendapat maklumat lebih tepat sambil mengelak berlakunya salah faham serta fitnah. Justeru itu, jiwa merdeka perlu sentiasa dihidupkan dan dihayati. Kemerdekaan tidak mungkin dapat dirasai tanpa kesepakatan, permuafakatan dan perpaduan yang kukuh di kalangan kita. Kita perlu merungkai dan menghadapi cabaran digital ini dengan penuh keilmuan dan minda kelas dunia.

Tema hari kebangsaan pada tahun ini ialah "Sayangi Malaysiaku, Malaysia Bersih". Nilai-nilai hidup harmoni bersama, menerima perbezaan, berkongsi citarasa dan bersemangat waja perlu sentiasa dihayati dan diamalkan untuk kesejahteraan bersama. Kemerdekaan merupakan hasil pengorbanan generasi terdahulu. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab generasi kini untuk mengekalkan kemerdekaan dan keharmonian negara.

Selain tuntutan pengorbanan untuk mengekalkan kemerdekaan, perubahan yang dituntut dalam era digital kini juga perlukan pengorbanan. Dan, pada minggu hadapan pula, kita akan menyambut Hari Raya Aidiladha atau dikenali juga dengan nama Hari Raya Korban. Dengan itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidil Adha dan Selamat Menyambut Hari Kebangsaan yg ke-62. Semoga usaha, pengorbanan dan keikhlasan kita sebagai anggota perkhidmatan awam yang menjadi tonggak ke arah kemakmuran negara sentiasa diberkati Allah dan mudah-mudahan membawa nikmat dan kebahagiaan kepada kita semua, InsyaAllah.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassallamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA**



BORHAN





“Jangan mengambil jalan mudah mencapai hasrat dan kepentingan diri. Ini kerana sesuatu yang diperoleh dengan cara yang tidak jujur maka akan hilanglah keberkatannya dan ianya pasti tidak akan kekal lama. Percayalah kejayaan yang diperoleh dengan hasil titik peluh dan keringat saudara dan saudari akan lebih manis dirasa dan akan lebih kekal lama. Bentuk sifat integriti yang kukuh dan seterusnya ia akan dapat membentuk peribadi unggul dan menjadi salah satu asbab untuk dihormati tidak kira di mana kita berada”.

Datuk Seri Borhan bin Dolah



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
Blok C1-C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P Putrajaya, Malaysia

<https://www.jpa.gov.my>



jpa2day



jpgov



Jabatan Perkhidmatan Awam